

**PENSWASTAAN:  
KAJIAN KES DI UNIT KESIHATAN PELAJAR,  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

oleh

**MAIMUNAH WASLI**

Hakcipta Maimunah bt. Wasli, 1994

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)**

Disember 1993

Untuk,

Suami, ***Noor Azam Ishak***,

dan

Anak-Anak,

***Mchamad Naizuan***,

*Norasyikin*,

***Mohamad Nazrul***,

***Norakmar***.

---

## ISI KANDUNGAN

<b>Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
Isi Kandungan	i-v
Penghargaan	vi
Senarai Jadual	vii-viii
Senarai Rajah	ix
Senarai Singkatan Perkataan	x
Senarai Lampiran	xi
Abstrak	xii
 <b>BAB SATU: PENGENALAN</b>	
1.1 Pernyataan Masalah	1
1.2 Konteks Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	6
1.3.1 Objektif Umum	6
1.3.2 Objektif Khusus	6
1.4 Istilah	7
1.4.1 Penswastaan	7
1.4.2 Kesihatan	8

1.5 Batasan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	10
<b>BAB DUA: LATAR BELAKANG ORGANISASI KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Latar Belakang Hal Ehwal Pelajar (HEP), UUM	11
2.2.1 Matlamat	12
2.2.2 <b>Carta Organisasi</b>	13
2.3 Latar Belakang Unit Kesihatan Pelajar (UKP), UUM	14
2.3.1 Matlamat	14
2.3.2 Peranan	14
2.3.3 <b>Carta Organisasi</b>	15
2.3.4 Kemudahan	15
2.3.5 Peraturan Rawatan Kesihatan	16
2.3.6 Sumber	16
2.3.7 Aktiviti Dan Pencapaian	24
2.3.8 Halangan	36
2.4 Penutup	38

**BAB TIGA: PENSWASTAAN**

3.1 Pengenalan	39
3.2 Penswastaan	39
3.2.1 Objektif Penswastaan	41
3.2.2 Bentuk Penswastaan	44
3.2.3 Kekangan Penswastaan	48
3.2.4 Masa Hadapan Penswastaan	49

3.3 Penswastaan Perkhidmatan Kesihatan	51
3.3.1 Projek Yang Telah Diswastakan	52
3.3.2 Projek Yang Akan Diswastakan	55
3.4 Penswastaan Di Universiti <b>Utara</b> Malaysia	56
3.4.1 Pengenalan	56
3.4.2 Objektif Penswastaan Di UUM	57
3.4.3 Bentuk Penswastaan Di UUM	59
3.5 Penutup	60

#### **BAB *EMPAT: ULASAN KARYA***

4.1 Pengenalan	61
4.2 <b>Analisis</b> Keberkesanan Kos	62
4.2.1 Gambaran Keseluruhan	62
4.2.2 Faktor-Faktor Keberkesanan Kos	63
4.2.3 Nisbah Keberkesanan Kos	64
4.2.4 <b>Analisis</b> Kepekaan	65
4.2.5 Sudut Pandangan	66
4.3 Persepsi Pelajar UUM Terhadap Entiti Rawatan Perubatan	67
4.3.1 Gambaran Keseluruhan	67
4.3.2 <b>Cara-Cara Analisis</b>	70
4.3.3 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Persepsi	71
4.4 Rangka Teori Kajian	79
4.5 Penutup	81

**BAB LIMA: METODOLOGI PENYELIDIKAN**

5.1 Pengenalan	82
5.2 Analisis Keberkesanan Kos	82
5.2.1 Temubual	83
5.2.2 Data Sekunder	85
5.3 Persepsi Pelajar UUM Terhadap Entiti Rawatan Perubatan	85
5.3.1 Rekabentuk Penyelidikan	85
5.3.2 Kaedah Penyelidikan	87
5.4 Penutup	95

**BAB ENAM: ANALISIS DAN KEPUTUSAN**

6.1 Pengenalan	96
6.2 Analisis Keberkesanan Kos	97
6.2.1 Kos Penyedian Perkhidmatan UKP	98
6.2.2 Kos Penggunaan	98
6.2.3 Kos Kakitangan	108
6.2.4 Nisbah Keberkesanan Kos	108
6.3 Analisis Kepekaan	109
6.4 Lain-Lain Faedah Dan Kos	111
6.4.1 Rawatan Perubatan Yang Spesifik	111
6.4.2 Penggunaan Teknologi	112
6.4.3 Sudut Pandangan	112
6.4.4 Cara Hidup	114

6.4.5 Keseimbangan	114
6.4.6 Objektif Sosial	115
6.4.7 Faedah-Faedah Lain	115
6.4.8 Kos-Kos Lain	116
 6.5 Persepsi Pelajar UUM Terhadap Entiti Rawatan Perubatan	 117
6.5.1 Indeks Kebolehpercayaan: Alpha Cronbach	117
6.5.2 Statistik Prihalan	118
 6.6 Penutup	 127

**BAB TUJUH: *RINGKASAN DAN CADANGAN***

7.1 Ringkasan Kajian	128
 7.2 Implikasi dan Cadangan Kajian	 129
7.2.1 Pengurangan Beban Kewangan dan Pentadbiran UUM	130
7.2.2 Peningkatan Kecekapan dan Keberkesaan Perkhidmatan	130
7.2.3 Mempraktik Pengalaman Pelajar di Dalam Bidang Keusahawanan dan Pengurusan Pemiagaan	131
 7.3 Syor Penyelidikan Masa Hadapan	 132
7.3.1 Kajian Kemungkinan Organisasi	133
7.3.2 Kajian Keberkesaan Kos Dari Sudut Pandangan Sosial	133
 7.4 Kesimpulan	 133

***BIBLIOGRAFI***

***LAMPIRAN***

## PENGHARGAAN

Bismillah-alRahman-alRahim,

Dengan penuh kesyukuran ke **hadrat Allah SWT** di **atas limpah kurnia dan petunjukNya**, dapat juga **saya** menyiapkan tesis **ini** walaupun menghadapi berbagai masalah dan rintangan **lantaran** kelemahan **saya** sendiri.

Terlebih dahulu, **saya ingin** merakamkan jutaan terima kasih kepada *Puan Norafifah Ahmad* dan *Puan Khulida Kirana Yahaya*, selaku penyelia **bagi** tesis **ini**, yang **banyak** membimbing **saya** sepanjang tempoh kajian **ini** dijalankan. Segala pandangan, teguran dan dorongan mereka **banyak** membantu **saya** menyiapkan tesis **ini**.

Setinggi terima kasih kepada Dr. Fuad dan kakitangan Unit Kesihatan Pelajar, yang **banyak** membantu dalam pengumpulan data-data dan maklumat yang diperlukan dalam tesis **ini**.

Khasnya penghargaan ini ditujukan buat suami, **Noor Azam Ishak** dan anak-anak tersayang, Mohamad Naizuan, Norasyikin, Mohamad Nazrul dan Norakmar yang telah **banyak** berkorban serta **memberi** sumbangan moral di sepanjang tempoh pengajian **saya** di Universiti Utara Malaysia.

Akhir sekali, ribuan terima kasih buat semua rakan yang telah membantu, **memberi** pandangan, nasihat dan kritikan membina dalam menyiapkan tesis ini, iaitu Jit, Zaidi dan Shahril.

Semoga segala usaha **kita** ini diberkati ALLAH jua.

Maimunah Wash  
Sekolah Siswazah  
Universiti Utara Malaysia

## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>	<b>Perkara</b>
2.1	Bilangan Jawatan Dan Jurnlah Pengisian Mengikut Kategori Kakitangan UKP, UUM, 1993
2.2	Pendapatan Daripada Yuran Pelajar-Pelajar UUM
2.3	Laporan Emolumen, UKP, UUM, Bagi Jan-Jun, 1993
2.4	Laporan Perbelanjaan Lain, UKP, UUM, Bagi Jan-Jun, 1993
2.5	Kedatangan Pesakit Luar Di UKP, UUM
2.6	Peratus Segmen Sasaran Pesakit Luar
2.7	Rawatan Pesakit Luar Ke UKP, UUM, 1992
2.8	Lima Sebab-Sebab Utama Kedatangan Pesakit Luar Ke UKP, UUM, 1992
2.9	Rawatan Unit Pergigian, UKP, UUM
2.10	Peratus Segmen Sasaran Rawatan Unit Pergigian, UKP, UUM
2.11	Rawatan Pergigian Dan Peratus Kes Yang Dirawat Unit Pergigian, UKP, UUM, 1992
2.12	Lima Sebab-Sebab Utama Kedatangan Ke Unit Pergigian, UKP, UUM, 1992
5.1	Perkara-Perkara Di Dalam Borang Soalselidik

- 6.1** Rawatan Bulanan UKP, Jan-Jun, 1993
- 6.2** Rawatan Pesakit Luar, **UKP**, Jan-Jun, 1993
- 6.3** Rawatan Pergigian Unit **Pergigian**, UKP, Jan-Jun, 1993
- 6.4** Kos Preskripsi
- 6.5** Kos Penggunaan UKP, Jan-Jun, 1993
- 6.6** Keputusan **Analisis** Kepekaan
- 6.7** **Taburan** Frekuensi Faktor Demografi
- 6.8** Kepentingan Faktor Kos Perkhidmatan, Kualiti Dan Masa Rawatan
- 6.9** Persepsi Pelajar UUM Terhadap Entiti Rawatan Perubatan

## **SENARAI RAJAH**

**No. Rajah**              **Perkara**

4.1      Rangka Teori Kajian

6.1      Rawatan Bulanan UKP, Jan-Jun, 1993

## **. SENARAI SINGKATAN**

ADB	-	Asian Development Bank
BK	-	<b>Bina-Kendali</b>
BKP	-	<b>Bina-Kendali Pindah</b>
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
EPU	-	Unit Perancangan Ekonomi
HEP	-	Hal Ehwal Pelajar
UN	-	Institut Jantung Negara
IMF	-	International Monetary Fund
PIP	-	Pelan Induk Penswastaan
PTP	-	<b>Pelan Tindakan Penswastaan</b>
Sdn. Bhd.	-	Sendirian Berhad
UKP	-	Unit Kesihatan Pelajar
UUM	-	Universiti Utara Malaysia
WHO	-	Pertubuhan Kesihatan Sedunia

## SENARAI LAMPIRAN

<b>Perkara</b>	<b>No. Lampiran</b>
Plan Lokasi Kampus UUM	2.1
<b>Carta Organisasi UUM</b>	2.2
<b>Carta Organisasi UKP, UUM</b>	2.3
Peraturan Rawatan Kesihatan	2.4
Senarai <b>Tugas</b> Kakitangan UKP, UUM	2.5
Panduan Temubual <b>Bagi</b> Klinik Sektor <b>Swasta</b>	5.1
Contoh Borang Soalselidik	5.2
Indeks Kebolehpercayaan Pra-Ujian (20 Soalan)	6.1
Indeks Kebolehpercayaan Pra-Ujian (19 Soalan)	6.2
Indeks Kebolehpercayaan Kajian (19 Soalan)	6.3

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat konsep penswastaan Unit Kesihatan Pelajar (UKP), Universiti Utara Malaysia. Bagi tujuan penyelidikan ini, tiga bentuk analisis dilakukan iaitu analisis keberkesanan kos, analisis kepekaan dan analisis faktor yang mempengaruhi kehendak dan keperluan pelajar-pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan.

**Analisis** keberkesanan kos memerlukan penyelidikan faktor-faktor kos penyediaan perkhidmatan UKP, kos penggunaan dan kos kakitangan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan. Nisbah kos perkhidmatan pengeluaran awam UKP adalah 0.64, dan bolehlah dirumuskan bahawa pengeluaran perkhidmatan kesihatan yang dibekalkan oleh UKP kurang keberkesanan kos.

**Analisis** kepekaan mengkaji kos perkhidmatan swasta daripada sudut ekonomi melalui keberkesanan kos. Nisbah keberkesanan kos untuk dua klinik swasta yang dikaji adalah 1.08 untuk ‘Pembekal Satu’ dan 1.19 untuk Klinik Won. Dapatlah dirumuskan bahawa pengeluaran swasta adalah lebih kos efektif dari pengeluaran UKP.

**Analisis** faktor yang mempengaruhi kehendak dan keperluan memerlukan borang soalselidik diedar kepada 191 responden, yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tahun Dua dan Tiga. Di dalam memilih entiti rawatan perubatan, pelajar-pelajar UUM bersetuju bahawa reputasi, kualiti dan bidang-bidang khusus perkhidmatan dan kebersihan, penampilan dan susunatur atau perhiasan entiti rawatan perubatan sangat penting dalam mempengaruhi pilihan mereka. Faktor lokasi, sikap kakitangan dan kos perkhidmatan kurang mempengaruhi pilihan pelajar-peiajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan.

Kesimpulannya, kos pengeluaran swasta adalah lebih keberkesanan kos dari pengeluaran awam, UKP. Jelaslah penswastaan adalah cara yang lebih berkesan bagi membekalkan rawatan perubatan kesihatan UKP. Di dalam mencapai sesuatu keputusan untuk penswastaan UKP, adalah diharap penggubal dasar mengambil perhatian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kehendak dan keperluan pelajar-pelajar terhadap sesebuah entiti rawatan perubatan.

## *BABSATU*

### *PENGENALAN*

#### 1.1 ***PERNYATAAN MASALAH***

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dasar penswastaan telah mendapat perhatian banyak negara di dunia, tanpa mengira fahaman dan amalan ideologi mereka, sama ada berorientasikan pasaran bebas atau sosialis. Dasar penswastaan bermula di negara-negara Eropah Barat yang mana United Kingdom adalah negara perintis. Perancis pula merupakan negara yang paling aktif dalam hal perlaksanaan dasar penswastaan. Dasar ini kemudiannya tersebar luas ke benua Amerika, Afrika dan Asia. Penswastaan dapat dilihat sebagai ‘panacea’ kepada masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara tersebut dan sudah pasti kepentingan serta perlaksanaan penswastaan berbeza di antara satu negara dengan negara yang lain.

Negara-negara maju di Barat boleh hidup tanpa penswastaan yang dianggap sebagai satu perkara yang mewah. Dalam dunia sosialis, penswastaan merupakan keperluan penting dan ini menunjukkan bahawa dana negara-negara ini sangat sedikit [Tan Sri Dato' Jaffar Hussein, 1993].

Penswastaan di Malaysia berada di perantaraan kedua-dua negara ini. Penswastaan di negara ini diperlukan walaupun ia bukanlah keperluan yang penting. **Keazaman** pihak kerajaan dalam **mewujudkan kemahiran** ikhtisas di sektor swasta dan **mudah tunai** yang lebih menyebabkan penswastaan menjadi sebahagian daripada pelengkap kepada proses pembangunan di Malaysia.

Malaysia adalah satu-satunya negara di dunia yang telah berjaya melaksanakan program penswastaan [Utusan Melayu, 17 Disember, 1993]. Walaupun pada awalnya penswastaan menghadapi pelbagai masalah, akan tetapi, dewasa ini dasar penswastaan semakin berkembang dan dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara. Sejak dasar penswastaan dimulakan pada 1983, 85 projek kerajaan sudah pun diswastakan. Setakat ini, sejumlah 86,100 pekerja sektor awam telah dipindahkan ke sektor swasta. Melalui perlaksanaan dasar penswastaan, sebanyak RM4.8 bilion perbelanjaan **mengurus** dan RM37.7 bilion perbelanjaan modal sektor awam, dapat dijimatkan oleh pihak kerajaan, manakala hasil daripada penjualan ekuiti dan **aset** kerajaan kepada sektor swasta di bawah program penswastaan ini berjumlah RM8.6 bilion [Utusan Melayu, 17 Disember 1993]. Bank Dunia, IMF, ADB dan organisasi antarabangsa yang lam telah memuji Malaysia kerana berjaya melaksanakan dasar penswastaan dengan berkesan.

Program penswastaan di Malaysia meliputi berbagai-bagai aktiviti dan projek infrastruktur seperti pembinaan jalan **raya**, pelabuhan serta pengangkutan bandar. Selain daripada aktiviti dan projek ini, Pelan

Tindakan Penswastaan (PTP) telah mengenalpasti lain-lain perkhidmatan yang sesuai untuk diswastakan seperti perkhidmatan kesihatan, latihan, perkhidmatan haiwan dan penyelidikan.

**Salah** satu daripada perkhidmatan yang diswastakan ialah bahagian hospital di bawah perkhidmatan kesihatan. Projek penswastaan perkhidmatan kesihatan dikategorikan dalam klasifikasi projek yang boleh diswastakan tetapi dalam tempoh jangka panjang.

**Hasrat** kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan **ini** telah diumumkan oleh **Perdana Menteri Malaysia pada** bulan Mac 1984 [New Straits Times, 3 Jun 1984]. Perkhidmatan kesihatan yang pertama diswastakan ialah Hospital Lady Templer pada 1 Januari 1985 di bawah **pengurusan** Syarikat Sri Rampai Sdn. Bhd [New Straits Times, 21 Oktober 1984]. Penswastaan Hospital Lady Templer merupa titik permulaan kejayaan dalam penswastaan hospital-hospital dan klinik di negara **ini**. **Pada** 1 September 1992 Institut Jantung Negara pula diswastakan.

Untuk program masa hadapan, PTP telah menyenaraikan Hospital Besar Ipoh, Hospital Besar Alor Setar, Hospital Besar Kota Bharu, Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Besar Kuala Trengganu, Hospital Besar Kuantan, Hospital Besar Melaka, Hospital Besar Perlis, Hospital Besar Pulau Pinang, Hospital Besar Seremban, Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah, Kelang dan Hospital **Sultanah Aminah**, Johor Bahru untuk diswastakan [Pelan Induk Penswastaan, 1991].

## 1.2 KONTEKS KAJIAN

Sejak negara Malaysia mencapai kemerdekaan, kerajaan telah melaksanakan kewajipan dan tanggungjawabnya untuk menyediakan rawatan kesihatan. Ini telah menyebabkan rawatan kesihatan dikecualikan daripada kekangan sumber yang terhad. Secara perlahan, kerajaan mengalihkan keutamaan rawatan kesihatan dengan memastikan penjagaan kesihatan sosial individu sebagai ‘hak untuk kesihatan’. ‘Hak untuk kesihatan’ bagi rakyat Malaysia telah diberi keutamaan, walaupun, pihak kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang banyak.

Persidangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang diadakan pada tahun 1977 bertekad untuk mencapai matlamat “Kesihatan Untuk Semua dalam tahun 2000” yang bermaksud “pencapaian untuk semua orang di dunia pada tahun 2000 hendaklah pada tahap kesihatan yang membolehkan mereka menjalani kehidupan yang produktif dari segi sosial dan ekonomi” [WHO, 1978]. Ini merupakan matlamat utama kerajaan di negara-negara membangun termasuk Malaysia pada dekad akan datang.

Hak yang sama untuk mendapat rawatan kesihatan di peringkat antarabangsa diakui sebagai suatu objektif penting dalam membekalkan rawatan kesihatan. Hak yang sama disini bermaksud "sama dalam status kesihatan, hak perkhidmatan kesihatan, atau penggunaan perkhidmatan kesihatan" [WHO, 1978].

Akan tetapi, hak yang **sama** untuk kesihatan telah menjadi kurang berkesan untuk dilaksanakan. Sebab yang pertama ialah kelekaan pengawalan kos oleh kerajaan yang membekal perkhidmatan kesihatan. Kedua, kerajaan merasakan perlu untuk menyusun semula sistem perkhidmatan kesihatan supaya dapat mencapai produktiviti marginal yang tinggi. Peningkatan program **spesifik** yang merangkumi sejumlah penduduk dari segi jumlah, skop, dan jumlah mereka yang berhak mendapat perkhidmatan kesihatan telah menyebabkan kos kesihatan meningkat. Kenaikan kos yang tinggi dalam perkhidmatan kesihatan menyebabkan perubahan yang mendalam berlaku dalam penyusunan ‘institusi’ kesihatan yang mengadakan perkhidmatan yang penting **ini**. ‘Pemiagaan’ atau ‘industri’ perkhidmatan kesihatan telah dilahirkan, untuk membekalkan perkhidmatan kesihatan yang boleh memberikan penjagaan baik **pada** kos yang berpatutan.

Penswastaan, yang merupakan satu ‘pemiagaan’ adalah penyelesaian kepada peningkatan kos dalam perkhidmatan kesihatan **ini**. Pilihan **sama ada** perkhidmatan kesihatan **ini patut** dibekalkan oleh pihak awam atau swasta bergantung kepada penekanan dua dimensi berikut:

(1) **Pem biayaan** :-

Persoalan yang dilihat adalah **sama ada** pesakit harus membayar perkhidmatan kesihatan yang terbaik daripada sumber sendiri **atau** patutkah mereka membayar secara kelompok **melalui** pengumpulan tabungan ataupun melalui percukaian?

(2) ***Fencapaian*** :

Patutkah perkhidmatan kesihatan dikendalikan oleh organisasi **kerajaan** atau organisasi bukan kerajaan?

Untuk menjawab persoalan-persoalan ini penyelidik memilih Unit Kesihatan Pelajar, Universiti Utara Malaysia (UKP, UUM) sebagai kajian. Kajian memusat kepada persoalan **sama ada** UKP, UUM ini perlu diswastakan ataupun sebaliknya.

1.3 ***OBJEKTIF KAJIAN***

Objektif kajian dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu objektif **umum** dan objektif khusus.

1.3.1 ***Objektif Umum***

Objektif **umum** kajian ini adalah untuk mengkaji **sama ada** UKP, UUM perlu diswastakan ataupun tidak.

1.3.2 ***Objektif Khusus***

Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Untuk mengkaji **analisis** keberkesanan kos UKP, UUM,

- (ii) Untuk mengkaji persepsi pelajar UUM terhadap kehendak dan keperluan permintaan rawatan kesihatan yang berkaitan dengan UKP, UUM.
- (iii) Untuk membuat cadangan bagaimana penswastaan boleh dilakukan (jika perlu) bagi UKP, UUM.

## 1.4 ***ISTILAH***

### 1.4.1 ***Penswastaan***

Di Malaysia, istilah ***penswastaan*** mendapat perhatian pada pertengahan 1983, apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad [1983], mengumumkan dasar kebangsaan berkaitan dengan konsep ‘Persyarikatan Malaysia’ yang menitikberatkan peningkatan peranan sektor swasta. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad [1988] menerangkan bahawa konsep penswastaan “mempunyai makna yang bertentangan dengan pemilikan negaraan. Jika pemilikan negaraan bertujuan menambahkan pemilikan dan penguasaan kerajaan ke atas perusahaan-perusahaan yang dimiliki oleh swasta, penswastaan bermakna proses memperbaiki kegagalan pemilikan negaraan” .

Secara am penswastaan merupakan penarikan diri oleh kerajaan daripada penglibatan dalam pengeluaran barang atau perkhidmatan [Munir, 1992]. Menurut maksud penswastaan di Malaysia termasuklah:

- Perpindahan hanya sebahagian hakmilik secara formal, menyebabkan usahasama di antara sektor swasta dan sektor **awam**.
- Pemberian konsesi kepada sektor swasta mengendalikan **operasi** atau membina dan mengendalikan projek yang tertentu sahaja.
- Pengeluaran kontrak kepada aktiviti tertentu kepada sektor swasta.
- Pengawalan dan bolehnya pembukaan **pasaran** atau peningkatan persaingan di antara sektor swasta dan awam.
- Pengenalan teknik pengurusan dan etos ala sektor swasta ke dalam entiti kerajaan.

#### 1.4.1 ***Kesihatan***

Orang-orang Greek mentafsir '**kesihatan**' sebagai "suatu keadaan yang harmonis", tapi dari sudut pandangan yang lam **pula** mereka menganggap 'kesihatan' sebagai "satu kebebasan dari penyakit".

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mentakrifkan 'kesihatan' sebagai "keadaan kesempurnaan fizikal, mental dan kebahagian sosial, dan bukan sekadar tiada kehadiran penyakit atau

kelemahan-kelemahan tertentu” [WHO, 1978]. Walau bagaimanapun, untuk mengukur tarap kesihatan petunjuk yang selalu digunakan adalah statistik yang berkaitan dengan penyakit dan status kesihatan. Dengan itu, **asas** kepada pengukuran berkenaan ‘kesihatan’ adalah “kesihatan yang tidak ujud”.

### 1.5 **BATASAN KAJIAN**

Terdapat batasan-batasan tertentu dalam menyediakan kajian **ini**, iaitu:

- Soalselidik yang dibentuk untuk kajian persepsi pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan **ini** belum pernah digunakan sebelum **ini**.
- Masa dan kewangan menyebabkan penyelidik tidak dapat membuat lepas-ujian soalselidik persepsi pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan. Hanya pra-ujian sahaja dilakukan terhadap soalselidik **ini**.
- Terdapat juga data-data yang diperlukan tidak dapat diperolehi disebabkan sikap kurang bekerjasama pegawai-pegawai semasa penyelidik mengumpul data.

Walau bagaimanapun batasan-batasan yang **tersebut** di **atas** tidak mengakibatkan ketidak sempurnaan dan kekurangan kajian **ini**. Akan tetapi keputusan-keputusan kajian perlu digunakan dengan **berhati-hati** sehingga kajian **ini** diulang semula.

## 1.6 *KEPENTINGAN KAJIAN*

Adalah menjadi harapan penyelidik agar kajian ini dapat memberi sumbangan kepada penggubal dasar di UUM **sama ada** untuk menswastakan kemudahan kesihatan di UUM. Adalah diharapkan agar penggubal dasar dapat memberi perhatian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kehendak dan keperluan pelajar UUM terhadap sesebuah entiti rawatan perubatan.

Penyelidik juga berharap kajian ini akan menyumbangkan ilmu mengenai penswastaan kesihatan di Malaysia.

## *BAB DUA*

### ***LATAR BELAKANG ORGANISASI KAJIAN***

#### **2.1 *PENGENALAN***

Bab ini menerangkan perkara-perkara penting mengenai organisasi yang dikaji. Ulasan yang dibuat adalah mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) Latar belakang Hal Ehwal Pelajar (HEP), UUM,
- (b) Latar belakang UKP, UUM.

#### **2.2 *LATAR BELAKANG HAL EHWAL PELAJAR (HEP), UUM***

Kampus Universiti Utara Malaysia terletak di Sintok, 48 km ke utara **Alor Setar** dan 10 km ke Timur Changlun, sebuah pekan di Lebuhraya Utara-Selatan. Kampus ini luasnya 1,061 hektar, dibina dengan kos **RM580** juta dan beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 1991 [Brosur Konvokesyen Keenam, UUM, 4 September 1993]. Plan lokasi kampus Universiti Utara Malaysia dapat dilihat di **Lampiran 2.1**,

**Salah** sebuah Jabatan yang mengendalikan **operasi** di UUM adalah jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP). Selaras dengan matlamat Universiti, Jabatan ini bertanggungjawab dalam merancang dan mengadakan persekitaran yang sesuai dan mempergiatkan usaha ke arah pembangunan

sahsiah pelajar.

### 2.2.1 ***Matlamat***

Jabatan Hal Ehwal Pelajar menetapkan matlamatnya melalui penekanan di bidang-bidang berikut:

#### (1) ***PembangunanSahsiahPelajar***

- Membentuk sikap baru pelajar.
- Membina keperibadian pelajar yang unggul.
- Melahirkan kepimpinan pelajar yang berkualiti.
- Menggalakkan penglibatan lebih ramai dalam aktiviti pelajar.
- Menitikberatkan aspek-aspek kecemerlangan dalam aktiviti pelajar.
- Menghasilkan pelajar-pelajar yang cergas, sihat dan berwibawa.
- Melahirkan pelajar melalui latihan ke arah nilai-nilai cemerlang dalam kepimpinan, disiplin, ketaatan dan penghayatan terhadap agama, **bangsa** dan negara.

#### (2) ***Kebajikan***

- Menawarkan perkhidmatan bermutu dalam **hal-hal** kebajikan yang merangkumi khidmat nasihat,

- kerjaya, kewangan dan kesihatan.
- Menyediakan kemudahan penginapan dalam suasana yang selesa dan **harmoni** kepada pelajar.

(3) *Khidmat Kepada Masyarakat*

- Memperluas serta menggalakkan interaksi dan sumbangan kepada masyarakat menerusi aktiviti pelajar.
- Menawarkan perkhidmatan kepada masyarakat.

***2.2.2 Carta Organisasi***

Carta organisasi yang mengaitkan HEP dengan jabatan-jabatan lain di UUM adalah seperti di **Lampiran 2.2**. Jabatan HEP adalah salah satu daripada jabatan-jabatan yang beroperasi di bawah naungan UUM.

Dalam mencapai matlamatnya Jabatan HEP beroperasi melalui unit-unit berikut:

- Perancangan Korperat
- Aktiviti
- Kebajikan
- Latihan
- Kesihatan Pelajar
- Sukan

## 2.3 **LATAR BELAKANG UNIT KESIHATAN PELAJAR (UKP), UUM**

### 2.3.1 **Matlamat**

Matlamat UKP adalah untuk mengujudkan satu masyarakat pelajar Universiti yang sihat fizikal dan mental serta produktif melalui perkhidmatan kesihatan yang komprehensif dan berkualiti [Panduan Pelajar, UUM, Sesi 1993/1994].

### 2.3.2 **Peranan**

**Peranan** UKP, UUM adalah seperti berikut:

- Menyediakan pusat kesihatan yang lengkap untuk kemudahan rawatan pelajar khasnya dan masyarakat UUM amnya.
- Mengesan dan merawat penyakit-penyakit dengan cepat, berkesan dan komprehensif dengan mengambil kira individu secara keseluruhannya.
- Mencegah dan megawal penyakit-penyakit.
- Memastikan kawasan kampus serta masyarakat sentiasa bersih, sihat dan jauh dari gejala-gejala penyakit.
- Meningkatkan pengetahuan kesihatan di kalangan pelajar-pelajar Universiti supaya penyakit-penyakit dapat dihindar, dikesan serta dirawat dengan lebih awal dan berkesan [Panduan Pelajar, UUM, Sesi 1993/1994].

### **2.3.3 *Carta Organisasi***

UKP memberi dua jenis perkhidmatan iaitu:

- Perkhidmatan perubatan
- Perkhidmatan pergigian

Rujuk **Lampiran 2.3** untuk **carta organisasi**, UKP.

### **2.3.4 *Kemudahan***

UKP menyediakan beberapa jenis perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:

- Perkhidmatan kaunter,
- Perkhidmatan kaunseling,
- Rawatan perubatan dan pergigian,
- Rawatan pembedahan,
- Perkhidmatan makmal,
- Perkhidmatan farmasi,
- Pemeriksaan kebersihan **kantin dan** persekitaran kampus,
- Pengawalan dan pencegahan penyakit-penyakit,
- Mengadakan ceramah, **kempen serta** pameran kesihatan,
- Merujuk kes-kes yang perlu ke Hospital Besar dan **Pusat Pakar Perubatan, Alor Setar.**

### **2.3.5 Peraturan Rawatan Kesihatan**

Rawatan kesihatan pelajar Universiti tertakluk kepada peraturan skim perkhidmatan kesihatan pelajar seperti terdapat di Lampiran 2.4 [Panduan Pelajar, UUM, Sesi 1993/1994].

### **2.3.6 Sumber**

#### **2.3.6.1 Tenaga Manusia**

UKP dikendalikan oleh seorang pegawai perubatan yang dipilih selaku Ketua **bagi** UKP, seorang pegawai pergigian dan dibantu oleh kakitangan para-medik. Jumlah kakitangan yang mengendalikan UKP adalah seramai 14 orang. Jadual 2.1 menunjukkan bilangan jawatan dan jumlah pengisian **bagi** beberapa kategori dalam **UKP pada** tahun 1993.

**Jadual 2.1:** gilangan Jauatan Dan **Jumlah** Pengisian Hengikut Kategori Kakitangm, **UKP, UUM, 1993**

Skim Perkhidmatan	Kumpulan G r e d			Bilangan Yang Ada	Bilangan Jauatan Yang Diisi)
	Perkhidmatan	Perkhidmatan	J a w a t a n		
Pegawai Perubatan	Pengurusan & Professional	"	u3 -u1	2	1
Pegawai Pergigian	"	"	"	1	1
Pembantu Perubatan	Sokongan	U8 - U6	"	2	2
Jururauat	"	U8 - U4	"	2	2
Pambantu Farmasi	"	U8 - U6	"	1	2
Pembantu Hakmal	"	"	"	1	1
Penolong Jururawat	"	U14 -U13	"	2	2
Pambantu Pembedahan Pergigian	"	"	"	1	1
Atendan Hospital	"	U16 - u14	"	2	2

Sumber: Hal Ehwal Pelajar, Universiti Utara Malaysia

Untuk mengetahui lebih jelas mengenai senarai tugas setiap kakitangan UKP, UUM sila rujuk **Lampiran 2.5.**

### **2.3.6.2 Kewangan**

#### **(a) Yuran Pelajar**

Yuran pengajian, penginapan dan kesihatan untuk pelajar yang mengikuti Ijazah Sarjanamuda setiap semester adalah sebagaimana yang disenaraikan di bawah ini:

Yuran	Program- Program Lain	Program Teknologi Maklumat
Pengajian	<b>RM550.00</b>	<b>RM660.00</b>
Penginapan	<b>RM200.00</b>	<b>RM200.00</b>
Kesihatan	RM 13.50	RM 13.50

**Nota:**

Program-program lain adalah Sekolah Bahasa dan Pemikiran Sainstifik, Sekolah Pengurusan, Sekolah Perakaunan dan Sekolah Pengajian Asasi.

Bagi mereka yang mendiami **rumah** kerlamin yuran penginapan **rumah** kelamin adalah RM400.00 dan yuran kesihatan pula adalah RM27.00.

Pihak Universiti adalah berhak meminda atau menambah bayaran **tersebut pada** bila-bila masa. Yuran dibayar **pada** permulaan setiap semester kepada Bendahari Universiti. Pelajar yang mendapat biasiswa, dermasiswa atau yang mendapat bantuan kewangan lain adalah

dibenarkan membuat potongan yuran di atas melalui Bendahari dengan menunjukkan suatu keterangan bertulis daripada pihak yang memberi biasiswa, dermasiswa atau bantuan-bantuan lain.

**(b) Pendapatan Yuran Pelajar**

Pendapatan yuran pelajar UUM untuk tahun 1990-1992 adalah seperti Jadual 2.2.

**Jadual 2.2: Pendapatan Daripada Yuran Pelajar-Pelajar UUM**

Tahun Pengajian	Yuran Penginapan	Yuran Kesihatan	Yuran	Jumlah
RM	RM	RM	RM	
1990	<b>1,624,869</b> (54.2%)	<b>1,288,440</b> (43.0%)	86,022 (2.8%)	<b>2,999,322</b> (100.0%)
1991	<b>4,472,518</b> (74.3%)	<b>1,440,390</b> (23.9%)	<b>108,108</b> (1.8%)	<b>6,021,016</b> (100.0%)
1992	<b>6,368,687</b> (74.5%)	<b>2,029,435</b> (23.7%)	1154,676 (1.8%)	<b>8,552,798</b> (100.0%)

Sumber: Berbagai Laporan Tahunan UUM

Pendapatan yuran pelajar meningkat sebanyak 3 kali ganda pada tahun 1992 jika dibandingkan dengan tahun 1990. Pada tahun 1992 peratus yuran pengajian ialah yang tertinggi iaitu sebanyak 74.5 % diikuti pula oleh yuran

penginapan iaitu sebanyak 23.7 %. Yuran kesihatan pelajar adalah kecil jika dibandingkan dengan pendapatan yuran-yuran yang lain iaitu hanya 1.8% sahaja.

Memandangkan pengutipan yuran kesihatan yang **sangat** kecil ini, isu-isu berikut perlu dikaji:

- Adakah yuran kesihatan yang dikutip daripada pelajar UUM mencukupi untuk mengendalikan perkhidmatan rawatan perubatan UKP? Jika pendapatan yuran kesihatan mencukupi atau melebihi daripada kos pengendalian perkhidmatan rawatan perubatan UKP, pihak Universiti akan kehilangan pendapatan jika UKP diswastakan.

Jika pendapatan yuran kesihatan tidak dapat menampung perbelanjaan mengendalikan rawatan perubatan di UKP, persoalan-persoalan berikut perlu dititikberatkan:

- Haruskah pihak pelajar dibebankan dengan yuran kesihatan yang lebih tinggi untuk menampung perbelanjaan UKP,
- Perlukah kakitangan UKP, UUM berkerja lebih kos efektif.

*(c) Perbelanjaan*

*(i) Emolumen*

Jadual 2.3 menunjukkan jumlah emolumen kesemua kakitangan UKP, UUM untuk separuh tahun pertama 1993. Jumlah untuk emolumen ialah sebanyak RM104,191. Jumlah ini termasuk upah dan gaji, elaun tetap, sumbangan berkanun staf dan elaun lebih masa. Data-data untuk tahun sebelumnya tidak dapat diperolehi.

**Jadual 2.3: Laporan Emolumen, UKP, UUM, Bagi Jan-Jm, 1993**

Perkara	Jan RM	Feb RM	Mac RM	Apr RM	Mei RM	Jun RM	Jumlah RM
Upah Dan Gaji	12879.00	12879.00	14197.80	15160.00	14947.00	15412.59	85475.39
Sumbangan Berkanun							
Staff	1587.751	1587.751	1593.251	1763.25	1763.251	1897.651	10192.901
Elaun Lebih Masa	1400.001	1400.00	1320.00	1528.00	1510.00	1365.00	8523.00
JUMLAH	15866.75	15866.75	17111.05	18451.25	18220.25	18675.24	104191.29

Sumber: Jabatan Bendahari, UUM

Penyelidik berpendapat terlalu ramai kakitangan yang mengendalikan UKP, memandangkan kedatangan pesakit luar hanya 65 orang dan rawatan pergigian hanya 11 orang sehari. Dalam memberi rawatan perubatan yang kos efektif, pihak Universiti perlulah mengkaji fungsi-fungsi berikut:

- Kejururawatan

Wajarkah UKP mempunyai tenaga Jururawat (2 orang) dan Penolong Jururawat (2 orang). Bolehkah fungsi menyemak dan mengeluarkan **nota** kes pesakit dibuat oleh penyambut tetamu dan bukan oleh seorang jururawat?

- Makmal

Haruskah UKP mempunyai pembantu makmal untuk mengendalikan permintaan rawatan diagnosis jika permintaan untuknya terlalu sedikit? Bolehkah fungsi ini dikendalikan oleh jururawat dengan menggunakan peralatan-peralatan **moden**?

(ii) **Perkhidmatan Dan Bekalan**

Sebanyak RM803 telah dibelanjakan oleh unit ini bagi separuh pertama tahun 1993 untuk perkhidmatan dan bekalan. Perbelanjaan ini ditunjukkan dalam Jadual 2.4.

**Jadual 2.4:** Laporan Perbelanjaan Lain, UKP, UUM, Bagi Jan-Jm, 1993

Perkara	Jan RM	Feb RM	Mac I RM	Apr RM	Mei RM	Jun RM	Jumlah RM
Perjalanan Dan Sara Hidup	0.00	565.30	0.00	0.00	0.00	0.00	565.30
gekal an Dan Bahan gahan Lain	0.00	7.55	27.00	6.00	0.00	0.00	40.55
Perkhidmatan Ikhtisas	0.00	20.00	6.80	86.30	40.80	0.00	153.90
Pemberian Kepada Pi hak Lain	0.00	44.00	0.00	0.00	0.00	0.00	44.00
JUMLAH	0.00	636.85	33.80	92.30	40.80	0.00	803.75

Sumber: Jabatan Bendahari, UUM

Perbelanjaan ini tidak termasuk perbelanjaan utiliti seperti bil elektrik, air dan telefon, yang jika diambil kira, akan meningkatkan perbelanjaan pengendalian

perkhidmatan perubatan UKP. Perkara ini semuanya dikategorikan sekali di bawah perbelanjaan utiliti keseluruhan UUM.

### ***2.3.7 Aktiviti Dan Pencapaian***

UKP menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan pergigian yang **asas** dan komprehensif, berkoordinasi dan optima kepada pelanggannya yang terdiri daripada pelajar-pelajar UUM, pegawai dan katitangan Universiti, ahli keluarga dan **juga** penduduk-penduduk di sekitar Sintok. Perkhidmatan ini disediakan dengan kemudahan perkhidmatan diagnostik makmal tetapi tidak **memberi** perkhidmatan radiologi. UKP  **juga** memberi perkhidmatan perundingan dan susulan. Akan tetapi pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan lanjut atau perkhidmatan pakar biasanya dirujukkan ke Hospital Besar Alor Setar ataupun ke Pusat Pakar Utara di Alor Setar.

#### ***2.3.7.1 Program Rawatan Perubatan***

##### **(a) Kedatangan Pesakit Luar**

Kedatangan pesakit luar ke UKP adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 12.5.

**Jadual 2.5: Kedatangan Pesakit Luar Ke UKP, UUM**

	Tahun	Jumlah Kedatangan (Peratus Peningkatan)		
		1990	1991	1992
Sasaran				
Pelajar	6539	13977 (113.7%)	15585 (11.5%)	
Kaktangan UUM	1428	2450 (71.6%)	2675 (9.2%)	
Keluarga	81	839 (935.8%)	1437 (71.3%)	
Orang Awam	0 (0.0%)	0 (0.0%)	461 (100.0%)	
JUMLAH	8048	17266 (114.5%)	20158 (16.7%)	

Sumber: Laporan Bulanan, UKP, UUM

Terdapat peningkatan 16.7% atau 20158 kes-kes rawatan pesakit luar pada tahun 1992 jika dibandingkan dengan 1991. Secara purata, pesakit yang mendapat rawatan adalah 67 orang setiap hari.

Jadual 2.6 menunjukkan segmen sasaran yang paling tinggi (melebihi 75%) ialah pelajar UUM.

**Jadual 2.6: Peratus Segmen Sasaran Pesakit Luar UKP, UUM**

	Tahun	Jumlah Kedatangan (Peratus Peningkatan)		
		1990	1991	1992
Sasaran				
Pelajar		6539 (81.3%)	13977 (81.0%)	15585 (77.3%)
Kakitangan UUM		1428 (17.7%)	2450 (14.2%)	2675 (13.3%)
Keluarga	I	81 (1.0%)	839 (4.8%)	1437 (7.1%)
Orang Auam		0 (0.0%)	0 (0.0%)	461 (2.3%)
JUMLAH		8048 (100%)	17266 (100%)	20158 (100%)

Sumber: Laporan Bulanan, UKP, UUM

Sasaran seterusnya ialah kakitangan UUM (13.0%) dan kaum keluarga (7.0%). Segmen kakitangan UUM dan kaum keluarga tidak mengharapkan UKP sebagai pembekal utama untuk rawatan perubatan mereka. Mereka ini lebih cenderung mendapat rawatan doktor-doktor panel di Changlun, Jitra, Alor Setar ataupun Pauh. Akhir sekali adalah penduduk sekitar Sintok (2.0%). Penduduk sekitar Sintok yang mendapat rawatan kesihatan adalah terlalu sedikit. Sungguhpun terdapat

pengangkutan yang baik, misalnya perkhidmatan bas, penduduk belum lagi bersedia untuk mendapat rawatan di UKP. Kemungkinan mereka tidak mampu membayar caj sebanyak RM8, kerana terdapat klinik-klinik kerajaan yang memberi rawatan percuma.

### (b) **Sebab-sebab Utama Kedatangan Pesakit Luar**

Sebab-sebab utama kedatangan pesakit luar di UKP, UUM adalah seperti yang ditunjukkan di **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.7:** Reuatan Pesakit Luar Ke UKP, UUM, 1992

BUTIRAN KHAS	Pelajar	Kakitangan	Keluarga	Auam	Jumlah
Penyakit Saluran Pernafasan	<b>6299</b> 40.4%	1052 3. 92%	655 45. 58%	121 125. 25%	8127 40. 32%
Penyakit Saluran Makanan	1374 8. 82%	261 9. 76%	91 6. 33%	<b>30</b> 6. 51%	1756 8. 71%
Penyakit Kulit	2275 14. 60%	241 9. 01%	<b>110</b> 7. 65%	35 8. 03%	2661 13. 20%
Penyakit Mata	<b>683</b> 4. 38%	102 3. 81%	26 <b>1.81%</b>	12 2. 75%	823 4. 08%
Penyakit Saluran Hidung Telinga & Tekak	360 2. 31%	59 2. 21%	29 2. 02%	<b>11</b> 2. 52%	459 2. 26%
Kecederaan Sukan	40 0. 26%	7 0. 26%	1 <b>0.07%</b>	<b>7</b> <b>1.61%</b>	<b>55</b> <b>0.27%</b>
Kecederaan Ringan	130 0. 83%	21 0. 79%	9 0. 63%	42 9. 63%	202 <b>1.00%</b>
Kemalangan Kenderaan	66 0. 42%	4 0. 15%	1 <b>0.07%</b>	<b>2</b> <b>0.46%</b>	<b>73</b> <b>0.36%</b>
Orthopaedik	94 1. 24%	20 0. 75%	1 <b>0.07%</b>	13 2. 98%	228 <b>1.13%</b>

<b>BUTIRAN KHAS</b>	Pelajar	Kaki tangan	Keluarga	Awam	Jumlah
Penyakit Berjangkit	102 0.65% 15	9 0.34X	10 0.70%	2 0.46%	123 0.61%
Penyakit Saluran <b>Kencing</b>	0.10%	9 0.34%	1 0.07%	1 0.23%	26 0.13%
Gynaekologi	8 0.05%	4 0.15%	1 0.07%	0 0.00%	13 0.06%
Lain-Lain Penyakit	2156 13.83% 42	470 17.57X	127 8.84%	69 18.83%	2822 14.00%
Rawatan Ibu Mengandung	0.27%	43 1.61%	21 1.46%	0 0.00%	106 0.53%
Rawatan <b>Susulan</b>	373 2.39X	49 1.83%	23 1.60%	9 2.06%	454 2.25%
Rujuk Hospital	155 0.99X	24 0.90%	6 0.42%	5 1.15%	190 0.94%
<b>Masuk Ward</b>	93 0.60%	2 0.07%	5 0.35%	0 0.00%	100 0.50%
Rawatan Selpas Waktu Pejabat	1211 7.77X	297 11.10%	320 22.27X	102 23.39%	1930 9.57X
Rawatan Psykiatrik	9 0.06%	1 0.04%	0 0.00%	0 0.00%	10 0.05%
<b>JUMLAH</b>	15585 I	2675	1437	461	20158 I

Sumber: Laporan gulanan, UKP, UUM

Rawatan selepas waktu pejabat **sangat** popular di kalangan pesakit luar, **mungkin** disebabkan mereka tinggal berdekatan dengan kampus UUM, dan kemudahan ini **mungkin** tidak terdapat di Changlun.

Kedatangan pesakit berdasarkan 5 jenis penyakit yang utama di UKP adalah seperti di Jadual 2.8.

**Jadual 2.8:** Lima **Sebab-Sebab Utama** Kedatangan **Pesakit** Luar Ke UKP, **UUM, 1992**

Jenis Rawatan I	Jumlah Kedatangan	Peratus	Kedudukan
<b>Penyakit Saluran Pernafasan</b>	8127	<b>40.3%</b>	<b>1</b>
<b>Penyakit Kulit</b>	2661	13.2%	2
<b>Penyakit Saluran Makanan</b>	1756	8.7%	3
<b>Penyakit Mata</b>	823	4.1%	4
<b>Penyakit Telinga, Hidung &amp; Tekak</b>	459	2.3%	5

Sumber: Laporan UKP, UUM

Dari Jadual 2.8 jelaslah sebab-sebab utama kedatangan pesakit luar adalah seperti berikut:

(i) *Penyakit Sistem Pernafasan*

Penyakit yang paling utama dirawat di UKP ialah penyakit sistem pernafasan. Pada tahun 1992, jumlah kes yang dirawat ialah 8127 (40.3%). Jenis-jenis penyakit yang dikategorikan di bawah penyakit sistem pernafasan

ini ialah infeksi sistem pernafasan, allergi, penyakit **asma** dan pneumonia.

Penyakit sistem pernafasan yang menjadi sebab utama kedatangan pesakit di UKP juga merupakan sebab utama kedatangan pesakit luar ke Jabatan Pesakit Luar di hospital dan Kemudahan Kesihatan Awam di Semenanjung Malaysia dan Sabah untuk tahun 1986 sehingga ‘1990 [Laporan Tahunan, Kementerian Kesihatan Malaysia, 1990].

(ii) *Penyakit Kulit*

Penyakit kedua yang dirawat di UKP ialah penyakit kulit. Jumlah kes yang dirawat ialah sebanyak 2661 (13.2%). Jenis-jenis penyakit kulit yang mendapat perhatian ialah penyakit cacar, ekzema, dermatitis dan infeksi bakteria dan kulat.

(iii) *Penyakit Saluran Makanan*

Penyakit saluran makanan merupakan penyakit yang ketiga terbanyak yang dirawat di UKP, UUM iaitu sebanyak 1756 (8.7%) sepanjang tahun 1992. Jenis-jenis yang dirawat ialah daripada penyakit akut gastroenteritis, sembelit dan buwasir.

(iv) *Penyakit Mata*

Penyakit mata adalah yang keempat penyebab utama kedatangan pesakit ke UKP. Pada tahun 1992, terdapat 823 kes yang dirawat.

(vi) *Penyakit Telinga, Hidung & Tekak*

Sebanyak 459 kes dirawat di UKP pada tahun 1992. Penyakit ini adalah yang kelima penyebab utama kedatangan pesakit ke UKP.

### 2.3.7.2 Rawatan Pergigian

#### (a) Rawatan Pergigian

Unit Pergigian di UKP melakukan 717 rawatan pada tahun 1990 dan jumlah rawatan meningkat dengan mendadak pada tahun 1991 iaitu 3638 rawatan. Tetapi terdapat penurunan sebanyak 6.8% rawatan pada 1992 jika dibandingkan dengan tahun 1991 (Sila rujuk Jadua12.9).

**Jadual 2.9: Rawatan Unit Pergigian, UKP, UUM**

I Sasaran	Tahun	Jumlah Kedatangan (Peratus Peningkatan)		
		1990	1991	1992
Pelajar	654	2,953	2,404	
		(351.5%)	(-18.6%)	
Kakitangan	60	541	629	
UUM		(801.7%)	(-16.3%)	
Keluarga	3	144	359	
		(4700.0%)	(149.3%)	
Jumlah	717	3,638	3,392	
		(407.4%)	(-6.8%)	

Sumber: Laporan Bulanan, Unit Pergigian, UKP, UUM

Rawatan yang diberikan oleh Unit Pergigian tahun 1992 adalah sebanyak 3392 kes. Secara

purata Unit Pergigian merawat hanya 11 kes sehari. Jumlah kes yang dirawat oleh Unit Pergigian adalah lebih jauh kurang daripada kes yang dirawat oleh Unit Perubatan **mungkin** menunjukkan rawatan pergigian adalah rawatan yang kurang dipentingkan.

Jadual 2.10 menunjukkan bahawa sasaran utama Unit Pergigian, UKP, UUM ialah **para pelajar** UUM di mana jumlah melebihi 70% Sasaran kedua terdiri daripada pihak kakitangan UUM yang terdiri daripada 18% dan selebihnya ialah ahli keluarga.

**Jadual 2.10:** Peratus Segmen Sasaran Rawatan Unit Pergigian, UKP, UUM

Sasaran	Tahun	Jumlah Kedatangan (Peratus Peningkatan)		
		1990	1991	1992
Pelajar		654 (91.2%)	2,953 (81.2%)	2,404 (70.9%)
Kakitangan UUM		60 (8.4%)	541 (14.9%)	629 (18.5%)
Keluarga		3 (0.4%)	144 (3.9%)	359 (10.6%)
Jumlah		717 (100%)	3,638 (100%)	3,392 (100%)

Sumber: Laporan gulanan, Unit Pergigian, UKP, UUM

Tinjauan ke atas sebahagian rawatan pergigian klinik-klinik swasta di Alor Setar menunjukkan bahawa caj-caj rawatan adalah seperti berikut:

Cabut Gigi..... RM9.00 - RM20.00

Tampalan Gigi... RM15.00 - RM40.00

Cuci Gigi..... RM25.00 - RM50.00

Jika Unit Pergigian diswastakan, sanggupkah pelajar-pelajar membayar rawatan pada kadar bayaran seperitimana yang dicajkan oleh pihak swasta.

Kedatangan pesakit yang mendapat rawatan di Unit Pergigian pada tahun 1992 ialah seperti yang terdapat dalam Jadual 2.11.

**Jadual 2.11: Rawatan Pergigian Dan Peratus Kes Yang Dirauat Unit Pergigian, UKP, UUM, 1992**

Jenis Rawatan	Pelajar UUM	Kakitangan	Keluarga	Jumlah
Cabutan	140 ( 5.8%)	82 (13.0%)	109 (30.4%)	331 (9.8%)
Tampalan	1063 (44. 2%)	260 (41. 3%)	76 (21.2%)	1399 (41. 2%)
Cuci Gigi	559 (23. 3%)	101 (16.1%)	56 (5. 6%)	680 (20. 0%)
Penyakit Gusi	355 (14. 8%)	78 (12. 4%)	48 (13. 4%)	481 (14.2%)

bersambung....

Jenis Rawatan	Pelajar UUM	Kakitangan	Keluarga	Jumlah
Cabutan Surgikal	8 ( 0.3%)	3 ( 0.5%)	0 ( 0.0%)	11 ( 0.3%)
Tampalan Sementara	145 ( 6.0%)	56 ( 8.9%)	76 (22.0%)	280 ( 8.3%)
Rawatan Pulpa	52 ( 2.2%)	32 ( 5.1%)	0 ( 0.0%)	84 ( 2.5%)
X-ray	16 ( 0.7%)	4 ( 0.6%)	0 ( 0.0%)	20 ( 0.6%)
Check-up	65 ( 2.7%)	13 ( 2.1%)	27 ( 7.5%)	105 ( 3.1%)
Rujuk Hospital	1 ( 0.0%)	0 ( 0.0%)	0 ( 0.0%)	1 ( 0.0%)
Denture Repair	0 ( 0.0%)	0 ( 0.0%)	0 ( 0.0%)	0 ( 0.0%)
<b>Jumlah</b>	<b>2404 (100.0%)</b>	<b>629 (100.0%)</b>	<b>359 (100.0%)</b>	<b>3392 (100.0%)</b>

Sumber: Laporan **Bulanan**, Unit Pergigian, UKP, UUM

Di kalangan pelajar dan kakitangan UUM, jenis rawatan yang utama dibekalkan oleh Unit Pergigian adalah tampalan. Ini berbeza dengan keluarga yang mendapat rawatan pergigian di Unit Pergigian, di mana cabutan gigi adalah penyebab utama kedatangan mereka.

(b) ***Sebab-sebab Utama Rawatan Pergigian***

Jadual 2.12 menunjukkan lima sebab utama kedatangan pesakit yang mendapat rawatan pergigian di Unit Pergigian, UKP. Rawatan utama ialah **tampalan gigi (41.2%)**, diikuti dengan **cuci gigi (20.0%)**, penyakit **gusi (14.2%)**, cabutan **gigi (9.8%)**, dan akhir sekali **tampalan sementara (8.3 %)**.

**Jadual 2.12: Lima Sebab-Sebab Utama Kedatangan Ke Unit Pergigian, UKP, UUM, 1992**

Jenis Rawatan Kedatangan	Jumlah	Peratus	Kedudukan
Tampalan	8127	40.3%	1
Cuci Gigi	2661	13.2%	2
Penyakit Gusi	1756	8.7%	3
Cabutan	823	4.1%	4
Tampalan Sementara	459	2.3%	5

Sumber: Laporan UKP, UUH

### ***2.3.8 Halangan***

Di dalam pengendalian Unit Kesihatan Pelajar ini, terdapat beberapa halangan yang boleh diatasi oleh pihak pengurusan, yang termasuk:

### **2.3.8.1 *Pertambahan Kedatangan Pesakit Luar***

Kedatangan pesakit luar yang terdiri daripada pelajar, kakitangan UUM, ahli keluarga dan orang awam terus meningkat berikutan bertambahnya bilangan pelajar di UUM dan kesedaran di kalangan orang awam mengenai kemudahan perkhidmatan yang disediakan.

### **2.3.8.2 *Kegunaan Perkhidmatan Selepas Waktu Pejabat***

Ramai pesakit yang datang untuk rawatan selepas waktu pejabat iaitu sebanyak 1930 kes (9.57 %) pada tahun 1992.

Dua langkah yang mungkin perlu diambil oleh pihak pengurusan UKP ialah:

- Program mendidik kumpulan sasaran supaya menggunakan Unit ini dengan sebaiknya,
- Menyusun semula waktu perkhidmatan agar ramai kumpulan sasaran mendapat perkhidmatan.

Pada masa hadapan, rancangan untuk mengadakan dan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan pesakit luar dengan menyediakan beberapa perkhidmatan seperti perkhidmatan kaunseling di kaunter ubat, kaunter temujanji serta alat kelengkapan yang mudah dikendalikan mengikut jenis kepakaran yang dijangka perlu diadakan ditahap penjagaan kesihatan primer.

#### 2.4 *PENVTP*

Bab dua membincangkan Latarbelakang Hal Ehwal Pelajar dan Unit Kesihatan Pelajar UUM. Bab seterusnya akan membincangkan konsep penswastaan.

## *BAB TIGA*

### ***PENSWASTAAN***

#### **3.1    *PENGENAUN***

Bab ini akan membincangkan konsep penswastaan secara umum. Perkara-perkara yang diutarakan ialah mengenai objektif, bentuk, kekangan dan masa hadapan penswastaan. Ini diikuti dengan perbincangan mengenai penswastaan perkhidmatan kesihatan. Akhir sekali bab ini akan mengutarakan polisi-polisi UUM **tentang** penswastaan perkhidmatan-perkhidmatan untuk pelajar.

#### **3.2    *PENSWASTAAN***

Penswastaan adalah satu dasar yang baik dan berfaedah, tetapi tidak boleh membaiki setiap keadaan. Dasar penswastaan adalah satu dasar yang menyeluruh yang digunakan oleh Kerajaan untuk memperkenalkan ekonomi dan dasar-dasar lain yang wujud di Malaysia.

Dasar penswastaan ini telah diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir untuk kali pertama melalui memorandum kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan pada 27 Jun 1983 [Munir, 1992]. Beliau berkata:

“Biasanya Kerajaan mengendalikan beberapa perkhidmatan. Di samping itu, Kerajaan tempatan dan pusat telah memasuki berbagai-bagai perniagaan dan perusahaan, sama ada sebagai monopoli atau sebagai pemegang syer. Kecenderungan ke arah penglibatan Kerajaan telah menimbulkan persaingan dengan sektor swasta. Oleh sebab kuasa yang ada, Kerajaan selalu rugi maka Kerajaan juga kehilangan pendapatan daripada cukai yang biasanya boleh dipungut daripada perniagaan yang berjaya.”

Perdana Menteri berpendapat bahawa jika perkhidmatan yang sekarang dijalankan dengan lebih baik, ada kemungkinan kerajaan memperolehi pendapatan yang lebih tinggi. Berasaskan kemungkinan ini jalan penyelesaian yang disarankan ialah penswastaan.

Konsep penswastaan sebenarnya adalah dua hala dan memerlukan kerjasama dua pihak, iaitu, kerajaan dan swasta. Di pihak kerajaan, penswastaan dilihat sebagai satu kesedaran bahawa pembangunan negara bukanlah tugas pegawai dan kakitangan kerajaan semata-mata. Ianya boleh dipesatkan lagi dengan melibatkan sektor swasta ke dalam pentadbiran negara. Apa yang diperlukan ialah hubungan dan kerjasama yang erat di antara sektor awam dan sektor swasta. Konsep penswastaan yangberganding bahu di antara sektor awam dan swasta ini perlu dijalin. Menerusi jalinan ini kedua-dua sektor merasakan tanggungjawab terhadap negara adalah tugas bersama. Sektor swasta akan meringankan beban kerajaan dan seterusnya kerajaan dapatlah menumpukan tugas pentadbiran negara semata-mata.

### **3.2.1 *Objektif Penswastaun***

Objektif penswastaan yang kerajaan ingin capai dipengaruhi oleh pelbagai dasar lain kerajaan yang beroperasi dipelbagai peringkat ekonomi. Persoalan-persoalan yang perlu dilihat adalah **sama ada** penswastaan mengakibatkan perubahan yang diharapkan, adakah ia bergantung kepada bagaimana penswastaan itu dilaksanakan, sejauhmana syarikat yang diswastakan bertindakbalas terhadap pengwujudan **peluang-peluang** penswastaan dan interaksi di antara penswastaan dan dasar-dasar lain di dalam konteks ekonomi keseluruhannya.

Program penswastaan akan terus dilaksanakan berdasarkan objektif-objektif berikut:-

#### **3.2.1.1 *Objektif Utama***

##### **(a) *MeningkatkaKecekapan Ekonomi***

- Meningkatkan persaingan,
- Meningkatkan pengurusan,
- Memperkenalkan produktiviti swasta dan mempertingkatkan keberkesanan,
- Memperbaiki pengeluaran dan kualiti perkhidmatan,

- Membebaskan pejabat kerajaan dari campurtangan politik dan ketegasan Perkhidmatan Awam supaya iaanya dapat dijadikan lebih kepada entiti komersial.

**(b) *Mempercepatkan Pertumbuhan Ekonomi***

- Mengalukan aktiviti pengusaha di dalam sektor yang dahulunya dipegang oleh awam,
- Membantu memperbaiki infrastruktur,
- Membantu pengimbangan bayaran dalam jangka pendek dengan mengalakkan pelaburan asing,
- Membantu memenuhi pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB),
- Menggalakkan pemilikan Bumiputra dan usahawan Bumiputra,
- Menyumbangkan kepada pencapaian 30 peratus pemilikan Korperat Bumiputra,
- Mengembangkan ekonomi bagi membantu mengurangkan ketidakseimbang ekuiti dari segi pembahagian kekayaan negara.

**(c) *Mengurangkan Beban Kewangan Dan Pentadbiran Kerajaan***

- Mengurangkan defisit dan pinjaman sektor swasta.

(d) ***Mengurangkan Saiz Dan Penglibatan Sektor Awam Dalam Ekonomi***

- Melantik pengurusan komersial kepada sektor awam, menyebabkan kerajaan bebas untuk memberi perhatian terhadap dasar sahaja.

3.2.1.2 ***Objektif Sekunder***

(a) ***Meningkatkan Pendapatan Kerajaan***

- Meningkatkan pendapatan melalui penjualan perusahaan milik Kerajaan melalui pembayaran lesen dan percukaian.

(b) ***Menggalakkan Memelbagaikan Pemegang Saham***

- Mengwujudkan stok yang menarik kepada pemegang saham kecil.

[Privatisation Master Plan Methods of Privatisation, 1989; Sallehuddin bin Mohamad, 1984]

### **3.2.2 Bentuk Penswastaan**

Terdapat berbagai-bagai bentuk penswastaan. Garis panduan Plan Induk Penswastaap (PIP), 1991 menyenaraikan bentuk penswastaan, antaranya:

#### **3.2.2.1 Penjualan Aset**

Penjualan **aset** boleh melibatkan pemindahan **sama ada** ketiga-tiga komponen organisasi iaitu tanggungjawab pengurusan, **aset** (berserta atau **tanpa** tanggungan) dan kakitangan **tersebut** atau sebahagian daripada komponennya. Penjualan **aset** boleh melibatkan **aset** yang dimiliki oleh **apa jua** organisasi kerajaan **sama ada** syarikat atau lain-lain entiti.

#### **3.2.2.2 Penjualan Ekuiti**

Penjualan ekuiti adalah khusus **bagi** syarikat kerajaan dan melibatkan pemindahan ketiga-tiga komponen organisasi tersebut. Bentuk penswastaan ini boleh melibatkan penjualan sebahagian atau keseluruhan ekuiti sesuatu syarikat. Penjualan ekuiti keseluruhan bermakna pemindahan 100 peratus ekuiti kerajaan dalam syarikat berkenaan, manakala penjualan **sebahagian** bermakna pemindahan kurang daripada 100 peratus.

Bentuk penswastaan ini merupakan bentuk penswastaan yang paling lengkap atau menyeluruh, lebih digemari kerana ia menyediakan sejumlah hasil kepada kerajaan dalam jangka masa yang singkat .

### **3.2.2.3    *Pajakan***

Bentuk penswastaan ini melibatkan pemindahan hak menggunakan **aset** untuk tempoh tertentu dengan bayaran pajakan. Kaedah ini biasanya digunakan **bagi** penswastaan entiti yang mempunyai **aset** bernilai tinggi dan bersifat strategik. Walaupun tidak **ada** pemindahan kedudukan hakmilik **aset** berkenaan, tetapi peraturan-peraturan boleh dibuat **bagi** pemajak membeli **aset** berkenaan di akhir tempoh pajakan.

### **3.2.2.4    *Kontrak Pengurusan***

Kaedah ini melibatkan penggunaan kepakaran pengurusan sektor swasta untuk **mengurus** sesuatu entiti kerajaan dengan dibayar yuran pengurusan. Kaedah ini meliputi pemindahan tanggungjawab pengurusan kepada sektor swasta dan **mungkin juga** melibatkan pemindahan kakitangan tetapi tidak melibatkan pemindahan hakmilik **aset**.

### **3.2.2.5 , *Bina-Kendali-Pindah (BKP)***

Kaedah BKP melibatkan pembinaan sesuatu kemudahan awam oleh pihak swasta dengan pembiayaannya sendiri dan akan mengendalikannya **bagi** tempoh yang dinamakan tempoh konsesi. Kemudahan-kemudahan ini akan diserahkan balik kepada kerajaan di akhir tempoh konsesi tersebut. Dalam tempoh konsesi tersebut, sektor swasta dibenarkan mengutip caj terus daripada pengguna kemudahan berkenaan atau secara tidak **langsung** daripada pihak perantaraan, biasanya institusi kerajaan .

### **3.2.2.6 *Bina-Kendali (BK)***

Kaedah BK adalah hampir **sama** dengan kaedah BKP, kecuali kaedah BK tidak melibatkan penyerahan balik kemudahan berkenaan kepada kerajaan.

Kedua-dua kaedah ini digunakan **bagi** penswastaan projek-projek baru yang secara tradisinya dimajukan oleh sektor awam termasuk projek infrastruktur dan kemudahan awam seperti jalan dan bekalan air. Ia juga biasanya melibatkan pemberian lesen **dan/atau** konsesi.

### *3.2.2.7 Pemilihan Bentuk Penswastaan*

Penswastaan boleh melibatkan satu bentuk atau gabungan beberapa bentuk di **atas** bergantung kepada kesesuaian **bagi** projek-projek berkenaan. **Salah** satu daripada **cara** memilih bentuk penswastaan yang tepat amat bergantung kepada **analisis** terperinci dan pengukuran setiap pilihan **tersebut** terhadap objektif dankekangan penswastaan itu sendiri.

Oleh itu panduan **umum** untuk memilih bentuk penswastaan yang hendak di kemukakan di dalam **apa** keadaan pun adalah seperti **berikut:-**

- Kaji kekuatan dan keuntungan pembiagaan,
- Kenalpasti kekangan yang **mungkin** dihadapi,
- Rujuk kepada perkara di **atas**, ketepikan bentuk pengswataan yang tidak boleh digunakan atau diaplikasikan.
- Pilih bentuk penswastaan yang tinggal sebagai pilihan, pilih dan senaraikan bentuk penswastaan yang boleh menghasilkan objektif yang terbanyak sekali sebagai pilihan.
- Di dalam bentuk penswastaan yang dipilih tadi, pilih **cara** yang lebih khusus **bagi** menghadapi kesan setiap kemungkinan keatas objektif dan kekangan.

Bentuk penswastaan yang menghasilkan penglibatan sektor swasta secara maksima akan dipilih. Di samping itu, bentuk penswastaan juga harus mencerminkan keperluan mencapai matlamat negara serta batasan yang terdapat di dalam setiap kes.

### 3.2.3 *Kekangan*

Sesuatu entiti yang hendak diswastakan, berkemungkinan menemui masalah kekangan penswastaan. Ianya bukan bermaksud yang entiti ini tidak dapat diswastakan langsung. **Walaupun** demikian ianya jarang berlaku. Kekangan penswastaan melibatkan syarat-syarat misalnya undang-undang, **pasaran** modal, pengurusan tenaga manusia, maklumat pentadbiran, pemasaran dan bentuk penswastaan yang mesti dipenuhi sebelum syarikat itu dapat diswastakan. Entiti itu dapat diswastakan dengan memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat di **atas**. **Menurut** Privatisation Master Plan • Methods Of Privatisation, 1989, di antara **kekangan-kekangan** adalah seperti berikut:

- Melindungi kepentingan pekerja,
- Mengawal kepentingan negara,
- Menjaga kepercayaan kepada program penswastaan,
- Mengwujud **aset** boleh jual entiti penswastaan,
- Menjaga keuntungan sosial,
- Mematuhi kekangan kapasiti **pasaran**.

Setelah mengenalpasti beberapa kekangan dalam melaksanakan program penswastaan, maka pihak Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang perlu untuk mengatasinya. Misalnya, beberapa undang-undang telah dipinda **bagi** membolehkan penswastaan projek-projek yang mengikut undang-undang tidak boleh diswastakan. Kerajaan juga telah menggubal prinsip-prinsip yang jelas dan mengambil tindakan untuk menyelaras dan memperkemaskan jentera dan prosidur pentadbiran penswastaan. Peranan kementerian-kementerian dalam mengawalselia aktiviti-aktiviti yang berbentuk monopoli juga ditetapkan **bagi** mengelakkan kemungkinan penyalahgunaan kuasa monopoli oleh agensi yang diswastakan.

EPU juga telah mengeluarkan Plan Induk Penswastaan [PIP, 1985] dan [PIP, 1991] untuk membolehkan pihak-pihak yang berminat untuk mengkaji dan mengemukakan tawaran yang akan dipertimbangkan berdasarkan perbandingan yang terbaik. Adalah diharap bahawa dengan adanya PIP ini akan mempercepatkan lagi perlaksanaan program penswastaan dan membantu menyumbangkan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

#### **3.2.4 Masa Hadapan Penswastaan**

Isu-isu mengenai penswastaan secara tidak **langsung** masih belum berakhir. Kecepatan dalam perubahan selama sepuluh tahun yang lepas ini mungkin memberi kesan yang mendalam terhadap program penswastaan di Malaysia. Terdapat tanda-tanda bahawa

peraturan ketat akan digubal yang menitikberatkan saingan yang sengit dalam program penswastaan.

Apabila program penswastaan ini berkembang, dengan setiap negara mengamalkan pembelajaran daripada yang lain dengan caranya sendiri, teknik baru akan wujud yang secara tidak langsung akan memasyurkannya. Bentuk baru **bagi** peraturan dalam monopoli tentunya akan timbul.

Cara baru pasaran modal akan dibentuk di mana dahulunya tidak wujud atau di mana kadar pembangunannya adalah **rendah**. Akan terdapat beberapa sasaran baru yang menyebabkan lahirnya golongan penentang baru program penswastaan ini dan seterusnya tercetuslah cara baru mempertahankannya. Perkara-perkara seperti ini senang diramalkan sebab perkembangan masa kini sudah ada tanda-tanda ke arah itu.

Adalah **amat sukar** untuk kita meramalkan apa yang akan berlaku pada penghujung abad ini, apabila tahun 90-an akan beralih ke tahun 2000. Sifat pertumbuhan dan inflasi di mana kita telah rasai pada tahun 80-an mungkin tidak akan berterusan. Apabila pasaran mula mencari untung, maka ia akan memberi laluan kepada sikap pesimistik, gaya baru, politik dan intelek akan mula mempengaruhi para ahli ekonomi dan politik di seluruh dunia.

Sekiranya terdapat perubahan dan kecenderungan beralih terhadap sektor swasta pada masa ini, bolehkah ianya mengalihkan imbangan ini kembali dan bolehkah dasar penswastaan ini diterbalikkan?

### 3.3 **PENSWASTAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN**

Kemajuan negara menagih keperluan mendapatkan pelbagai perkhidmatan sempurna termasuk bidang perubatan. Kekuahan ekonomi dan peningkatan pendapatan membolehkan rakyak memilih perkhidmatan perubatan terbaik [Berita Harian, 14 Jun 1993]. Pengarah Kawalan WHO, Dr. S. T. Han menyatakan hampir 90 peratus rakyat Malaysia berada di antara satu jam atau 5 km dari Pusat-Pusat Kesihatan [New Straits Times, 24 April 1993]. Ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai perkhidmatan rawatan perubatan yang tersebar dengan baik di dalam kawasan pasifik ini.

Walau bagaimanapun, peningkatan kos rawatan perubatan tidak boleh dielakkan. Salah satu sebab ialah penduduk negara kita menikmati taraf hidup yang tinggi. Ini akan meningkatkan permintaan rawatan perubatan yang baik daripada orang ramai. Sementara itu peningkatan rawatan perubatan yang berbagai-bagai dan kemudahan perubatan yang canggih di negara ini juga menyebabkan kos rawatan perubatan meningkat sepanjang tahun kebelakangan ini.

**Menurut** Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kerajaan **kini** terpaksa mengkaji kos untuk membiayai kesihatan rakyat yang selama **ini** ditanggung oleh kerajaan. **Menurut** beliau,

“Hari **ini**, keadaan **amat** berbeza. Rawatan pesakit memerlukan belanja yang tinggi dan kerajaan tidak **lagi** mampu membiayainya dengan percuma **tanpa** menjelaskan perbelanjaan untuk infrastruktur yang lain” [Berita Harian, 13 Ogos 1993].

Oleh sebab itu kerajaan terpaksa mengenakan bayaran yang ‘nominal’ manakala untuk kes yang memerlukan perbelanjaan tinggi, bayaran yang berpatutan dikenakan. Penswastaan adalah jawapan untuk masalah peningkatan kos rawatan perubatan.

**Salah** sebuah projek yang telah diswastakan ialah Penswastaan Hospital Lady Templer. Tujuan kerajaan **ini** buat pertama kalinya telah diumumkan oleh **Perdana** Menteri dalam Mac, 1984 [New Straits Times, 3 Jun 1984].

### **3.3.1 Projek Yang Telah Diswastakan**

Projek-projek berikut adalah penswastaan perkhidmatan kesihatan yang berjaya diswastakan:

- Hospital Lady Templer,
- Institut Jantung Negara.

### 3.3.1.1 **Hospital Lady Templer**

Salah satu hospital yang pertama dikenalpasti **bagi** tujuan penswastaan ialah Hospital Lady Templer. Ditubuhkan dalam tahun 1955, hospital ini bertujuan merawat penyakit tibi, dan surgeri thorasic. Beroperasi sebagai sebuah hospital **amal**, telah menghadapi beberapa masalah dalam mengekalkan perkhidmatannya.

Ia bergantung penuh **atas** pemberian **tahunan** daripada Kerajaan. Pendapatan Hospital **ini juga** diperolehi daripada derma khas orang awam serta pendapatan yang didapati daripada yuran pesakit dan caj daripada wad setiap tahun.

Hospital Lady Templer memerlukan RM2.8 **juta** setahun, dan disebabkan kurang pendapatan, ia dijadikan hospital swasta yang mendapat subsidi daripada Kerajaan [The Star, 15 Januari 1985]. Oleh kerana peningkatan kos, hospital **ini** menghadapi masalah kewangan yang berterusan.

Pada awal Jun 1984, satu kajian telah dijalankan keatas implikasi penswastaan terhadap Hospital Lady Templer [New Straits Times, 3 Jun 1984]. Satu laporan yang lengkap mengenai penswastaan Hospital

Lady Templer telah diputuskan dalam bulan Oktober, 1984, dan pengambilalihan berjaya dilakukan pada 1 Januari 1985 [New Straits Times, 21 Oktober 1984].

### 3.3.1.2 *Institut Jantung Negam (IJN)*

Institut Jantung Negara (IJN) memulakan operasinya pada 19 Jun 1992 dan diperbadankan pada 1 September 1992 kepada IJN Sdn. Bhd. [Berita Harian, 7 Jun 1993].

IJN menelan belanja RM15 1.1 juta menyediakan kelengkapan empat dewan bedah, 275 katil pesakit, tiga makmal kardiovaskular dan Unit Rawatan Rapi Koronari. Matlamat IJN adalah untuk menjadi sebuah pusat yang bukan saja dapat memberi rawatan penyakit jantung kepada penduduk tempatan, bahkan bagi rantau ini secara keseluruhannya. Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Nor Aini Abu Bakar, matlamat ini tidak mustahil untuk dicapai kerana peralatan serta perkhidmatan yang disediakan di IJN canggih dan terkini serta bertaraf antarabangsa [Berita Harian, 7 Jun 1993]. Menurut beliau,

“Menerusi IJN, kita bukan saja mahu memberi rawatan terbaik kepada penduduk tempatan yang sebelum ini terpaksa mendapat rawatan seumpamanya di luar negara, tetapi juga sebagai terunggul rantau ini” [Berita Harian, 7 Ogos 1993].

### **3.3.2 Projek Yang Akan Diswastakan**

Projek-projek perkhidmatan Kesihatan yang dalam perancangan untuk diswastakan adalah:

- Penswastaan Pembuangan Sisa-Sisa Perubatan
- Penswastaan Hospital-Hospital

#### **3.3.2.1 Penswastaan Pembuangan Sisa-Sisa Perubatan**

Lebih dari 100 syarikat **asing** dan tempatan termasuk orang perseorangan telah menunjukkan minat terhadap Penswastaan aktiviti ‘non-core’ hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara [New Straits Times, 24 Julai 1993]

Lima perkhidmatan yang akan diswastakan itu adalah pengurusan sisa-sisa perubatan, penjagaan bangunan dan alat-alat perubatan, dobi, pembersihan bio-perubatan (termasuk **mensuci-hama** wad dan bilik pembedahan) dan pembersihan kawasan-kawasan hospital temasuk landscaping.

### ***3.3.2.2 Penswastaan Hospital-Hospital***

Beberapa buah hospital telah disenaraikan di dalam PIP dan terdapat 12 hospital kerajaan akan diswastakan pada masa akan datang. Hospital tersebut adalah Hospital Besar Ipoh, Hospital Besar Alor Setar, Hospital Besar Kota Bharu, Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Besar Kuala Trengganu, Hospital Besar Kuantan, Hospital Besar Melaka, Hospital Besar Perlis, Hospital Besar Pulau Pinang, Hospital Besar Seremban, Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah Klang dan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru. Menurut Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman, Ketua Pengarah Unit

Perancangan Ekonomi, Hospital Pakar Johor adalah salah satu entiti yang akan diswastakan pada tahun 1994 [Berita Harian, 8 Oktober, 1993].

## ***3.4 PENSWASTAAN DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA***

### ***3.4.1 Pengenalan***

Prof. Dr. Mohd. Nawi Abd. Rahman dalam kertas yang dibentangkan di Persidangan “The Third Asia Pacific Conference On Student Affairs” di Bali Indonesia (15-17 Jun 1992) menyatakan,

" . . . . . the provision and maintenance of excellent services usually require heavy financial and manpower resources. Specifically, the provision of effective and efficient student services is even more problematic to a relatively new university like UUM" .

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa **banyak** perkhidmatan yang diberi oleh pihak UUM memerlukan kos yang tinggi. Di dalam kertas yang beliau bentangkan ini beliau juga mengenalpasti lima perkhidmatan yang perlu perhatian. Perkhidmatan itu ialah:

- Kolej Kediaman
- Catering
- Kesihatan
- Sukan dan Rekreasi
- Pengangkutan.

### ***3.4.2 Objektif Pengswastaan Di UUM***

Objektif pengswastaan di UUM adalah seperti berikut:

#### ***3.4.2.1 Mengurangkan Beban Kewangan Dan Pentadbiran UUM***

Pengswastaan boleh mengurangkan **beban** kewangan dan pentadbiran UUM dengan membekal dan

mengurus perkhidmatan penting oleh pihak swasta. Dengan ini pihak

UUM bolehlah menumpukan lebih tenaga di dalam hal perkembangan pelajar dan matlamat-matlamatnya.

#### **3.4.2.2    *Meningkatkan Kecekapan Dan Keberkesanan Perkhidmatan***

Penswastaan perkhidmatan akan lebih meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan itu. Perkara ini boleh dicapai melalui fleksibiliti masa perkhidmatan, peluang untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan pada kos yang lebih rendah melalui persaingan kontrak dan bayaran perkhidmatan mengikut pencapaian.

#### **3.4.2.3    *Mempraktik Pengalaman Pelajar Di dalam Bidang Keusahawanan Dan Pengurusan Perniagaan***

UUM menggalakkan pertumbuhan pengurus dan usahawan yang cekap. Jelaslah melalui penswastaan perkhidmatan di UUM ini, pelajar dapatlah mempraktikkan pengetahuan dan digalakkan menjadi pengurus pembiagaan, usahawan dan pemegang saham di dalam syarikat yang membekalkan perkhidmatan ini. Ini memberi pelajar ini

pengalaman secara terus dalam pengurusan dan keusahawanan .

### **3.4.3 Bentuk Penswastaan Di UVM**

Di UUM, bentuk penswastaan yang diamalkan ialah melalui pemindahan perkara-perkara berikut:

- Pengurusan
- Aset
- Kalcitangan

Buat masa ini UUM belum pernah lagi memindah kakitangan ke pengurusan swasta di dalam projek penswastaan mereka. Bentuk penswastaan yang diamalkan ialah:

- Kontrak Pengurusan
- Pajakan
- Bina-Kendali-Pindah (BKP) dan Bina-Kendali (BK).

### **3.5 *PENUTUP***

Bab ini telah membincangkan konsep penswastaan mengikut tajuk-tajuk berikut:

- Penswastaan,
- Penswastaan perkhidmatan kesihatan,
- Penswastaan di TJUM.

Dalam bab yang seterusnya diutarakan ulasan karya mengenai aspek pengukuran dan faktor-faktor yang terlibat untuk menswastakan UKP, UUM.

## ***BAB EMPAT***

### ***ULASAN KARYA***

#### **4.1 *PENGENALAN***

Penyelidik akan membentangkan perkara-perkara penting sebelum keputusan untuk menswastakan UKP dikemukakan.

Pertama, dikemukakan faktor-faktor yang mempengaruhi **analisis keberkesanan kos**. Kedua, faktor-faktor yang mempengaruhi kehendak dan keperluan pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan akan diutarakan dalam kajian ini. Ini adalah untuk menentukan **sama ada** permintaan terhadap perkhidmatan UKP selepas Unit ini diswastakan kelak.

Selepas mengemukakan kedua-dua aspek yang penting dalam mencapai satu keputusan padu bagi menswastakan UKP satu rangka teori akan dikemukakan khas untuk kajian ini.

## 4.2 ANALISIS KEBERKESANAN KOS

### 4.2.1 Gambaran **Keseluruhan**

**Analisis** keberkesanan kos menentukan nisbah kos/keberkesanan. Tujuan penting **analisis** keberkesanan kos ialah untuk membandingkan alternatif-alternatif yang diperolehi dari sesuatu kajian [Torrance, 1986].

Kajian ini cuba membandingkan perkhidmatan rawatan kesihatan semasa UKP sebagai satu alternatif dengan perkhidmatan lain yang disediakan oleh entiti rawatan perubatan swasta dengan menggunakan **analisis** keberkesanan kos.

Perbandingan dilakukan antara kos penyediaan perkhidmatan **langsung** rawatan kesihatan pesakit luar, UKP dengan kos mendapatkan rawatan yang serupa di sektor swasta. Kajian ini tidak bertujuan untuk membuat sesuatu yang berlainan, akan tetapi untuk mengalih sudut pandangan dalam mendapatkan rawatan pesakit luar.

Sebagai rumusan, **analisis** keberkesanan kos adalah satu kaedah untuk menjawab persoalan **sama ada** berkesankah penyediaan perkhidmatan **langsung** UKP?

#### **4.2.2 Faktor-Faktor Keberkesanan Kos**

Analisis ini dibahagikan kepada tiga faktor utama yang perlu diambilkira iaitu:

- Kos penyediaan perkhidmatan UKP,
- Kos Penggunaan,
- . Kos kakitangan.

##### **4.2.2.1 Kos Penyediaan Perkhidmatan UKP**

Kos yang dikenalpasti dalam **analisis ini** ialah jumlah yuran kesihatan yang diterima oleh UUM daripada pelajar-pelajar. Andaian yang dibuat oleh penyelidik ialah kos tersebut adalah perbelanjaan semasa UKP bagi perkhidmatan pesakit luar secara langsung.

##### **4.2.2.2 Kos Penggunaan**

Penggunaan pesakit luar terhadap sesebuah **pusat** perubatan lazimnya diukur dengan mengira bilangan rawatan pesakit luar ke **pusat** perubatan tersebut [Lavers, 1983, Parkin dan Yule, 1985 dalam Wagstaff, 1989; Puffer, 1986]

• Apa yang penting di sini ialah kos keseluruhan penggunaan bagi tiap-tiap kes yang dirawat di UKP ataupun entiti rawatan perubatan swasta.

#### **4.2.2.3 Kos Kakitangan**

Kos yang digunakan adalah kos kakitangan yang mengendalikan perkhidmatan pesakit luar di UKP dan di sektor swasta.

#### **4.2.3 Nisbah Keberkesanan Kos**

Analisis keberkesanan kos memerlukan perbandingan nisbah keberkesanan kos perkhidmatan langsung UKP dengan perkhidmatan swasta. Penilaian nisbah keberkesanan kos memudahkan perbandingan di antara kedua-dua perkhidmatan ini. Untuk menentukan sama ada penswastaan itu lebih berkesan ataupun sebaliknya, seseorang hanya perlu merujuk kepada nisbah tersebut.

Hasil daripada analisis ini ialah sebagai **nisbah keberkesanan kos (Z)**. Justeru itu, seseorang boleh membuat perbandingan mengenai hubungan antara **kos penyediaan perkhidmatan VKP (K)** dengan **kos penggunaan (P<sub>1</sub>)** dan **kos kakitangan (P<sub>2</sub>)**.

$$Z = \frac{K}{(P_1 + P_2)}$$

di mana:

$Z$  = Nisbah keberkesanan kos,

$K$  = Kos penyediaan perkhidmatan UKP,

$P_1$  = Kos penggunaan,

$P_2$  = Kos kakitangan.

Jika nisbah  $Z$  adalah lebih besar daripada 1, maka bolehlah dibuat rumusan bahawa terdapat keberkesanan kos, oleh yang demikian penyediaan perkhidmatan kesihatan menguntungkan dari sudut ekonomi.

#### **4.2.4 Analisis Kepekaan**

Analisis kepekaan mengkaji kos penswastaan daripada sudut ekonomi melalui model keberkesanan kos. Analisis kepekaan bermaksud pengupasan persoalan mengenai kos perkhidmatan penswastaan yang ditawarkan oleh entiti rawatan perubatan swasta. Apabila analisis kepekaan dibuat, nisbah keberkesanan kos yang dihasilkan daripada pelbagai pilihan dapat dibandingkan dengan mudah.

#### **4.2.5 Sudut Pandangan**

Adalah penting untuk menetapkan sudut pandangan yang munasabah **sama ada** dari sudut pandangan pesakit dan keluarganya, sektor rawatan perubatan, program Kerajaan, atau sudut pandangan masyarakat amnya [Russell, 1986; Torrance, 1986]. Sudut pandangan yang sesuai bergantung kepada soalan yang hendak dijawab. Misalnya, seorang pesakit yang perlu membuat pilihan **bagi** rawatan kesihatan mereka akan lebih cenderung memilih sudut pandangan diri mereka serta keluarga mereka. **Badan** perancangan penjagaan kesihatan pula akan berminat dan berusaha mengagihkan perbelanjaan rawatan perubatan mereka yang terhad dari sudut pandangan penjagaan kesihatan. Perancang sosial pula akan lebih menumpukan keseluruhan kesan dasar dan program penjagaan kesihatan dari sudut pandangan sosial.

**Pada** amnya, **sudut** pandangan sosial adalah sudut pandangan yang dianggap paling sesuai untuk polisi membuat keputusan [Russell, 1986; Torrance, 1986]. Walaupun kajian selalunya melihat hanya dari satu sudut pandangan, adalah lebih bermakna jika kajian **cuba** menyelidik sudut lain untuk memperkayakan maklumat dalam mencapai keputusan.

Kajian ini mengambil kira dua sudut pandangan iaitu:

- Pandangan UUM sebagai pembekal perkhidmatan rawatan kesihatan ,
- Pandangan pelajar UUM sebagai penerima perkhidmatan rawatan perubatan.

#### **4.3 PERSEPSI PELAJAR UUM TERHADAP ENTITI RAWATAN PERUBATAN**

##### **4.3.1 *Gam baran Keseluruhan***

Komoditi ‘rawatan kesihatan’ berbeza daripada lain-lain komoditi dan patut diambilkira dalam analisis persepsi pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan. Perkara-perkara yang berkaitan adalah:

- ‘Kesihatan’ ,
- Hubungan agensi,
- Kos perkhidmatan [Wagstaff, 1989].

###### **4.3.1.1 ‘Kesihatan’**

Permintaan rawatan perubatan berpunca daripada permintaan untuk komoditi **asas** iaitu ‘kesihatan’ itu sendiri.

#### 4.3.1.2 *Hubungan Agensi*

‘Hubungan agensi’ adalah **masalah** yang timbul dalam hubungan ‘doktor-pesakit’. Masalah **ini** bergantung kepada tahap kesempumaan hubungan tersebut.

William [1988], menyatakan bahawa hubungan agensi yang sempurna adalah “sebagai satu hubungan di **mana** doktor akan memberikan pesakit segala maklumat yang diperlukan dan selepas itu pesakit pula akan membuat keputusannya sendiri”. Walau bagaimanapun **amalan** hubungan agensi **ini** berkemungkinan tidak sempurna oleh kerana “doktor mungkin mencari kesempatan daripada pesakit yang berhadapan dengan mereka” William, 1988].

Evan [1984], Culyer [1988,1989] dalam Mooney dan Ryan [ 1993], Feldstein [ 1974] mempertikaikan faktor seterusnya yang membawa kepada **amalan** hubungan agensi yang tidak sempurna:

- Doktor tidak memberi tindakbalas yang sepenuhnya ataupun tanggapan mereka salah terhadap kepentingan pesakit mereka,
- Kekurangan maklumat **bagi** pihak doktor terhadap keberkesanan,

- Kecenderungan pihak doktor untuk meningkatkan keberkesanan mengikut etika profession perubatan dan dari segi keinginan mereka untuk melakukan kebaikan,
- Kesanggupan menggunakan sumber dengan baiknya.

#### 4.3.1.3 ***Kos Perkhidmatan***

Kerumitan ketiga adalah tentang jenis dan sifat kos perkhidmatan yang dibayar untuk penjagaan kesihatan. Dalam kebanyakan sistem penjagaan kesihatan, walaupun harga kos sebelum menggunakan rawatan adalah kosong, masih terdapat lain-lain kos yang berkaitan dengan penggunaan rawatan kesihatan. Ini termasuk:

- ***Kos tidak langsung***

Bermaksud kehilangan kos pengeluaran, sekiranya ada, kerana pesakit terlibat dalam program rawatan (contohnya waktu kerja yang ditinggalkan untuk menerima rawatan).

● ***Kostidakketara***

Mencerminkan nilai dalam bentuk wang disebabkan oleh kesakitan, kesedihan, dan penderitaan pesakit serta keluarga, sekira **ada**, kerana penglibatan dalam program rawatan [Torrance, 1986].

#### **4.3.2 Cam-Cam Analisis**

Perkhidmatan kesihatan didefinisikan sebagai " semua perkhidmatan, termasuk awam dan swasta," yang dibekalkan **sama ada** oleh individu atau institusi **bagi** tujuan penjagaan dan pemulihan kesihatan [Flexner dan Berkowitz, 1979 dalam Lerey dan Loomba, 1973]. Keputusan mengenai bentuk dan penyediaan perkhidmatan kesihatan umumnya dibuat oleh ahli-ahli profesional kesihatan. Kebelakangan ini pandangan pengguna didapati mempengaruhi keputusan-keputusan tersebut.

Menurut Scutchfield [ 1975] pandangan pengguna boleh diperolehi melalui **cara-cara** berikut:

- Wakil-wakil pengguna di dalam lembaga kesihatan,
- Sokongan daripada pengguna,
- Diagnosis masyarakat (di **mana** masyarakat dianggap sebagai pesakit dan penilaian dibuat ke **atas** keperluannya),

- Penyelidikan mengenai sains sosial dan prilaku.

**Keempat-empat cara** ini membolehkan hubungan secara **langsung** di antara ahli-ahli professional kesihatan dengan orang-orang awam. Mereka ini seterusnya akan membentuk objektif dan keperluan **perkhidmatan** kesihatan ini.

#### **4.3.3 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Persepsi**

Entiti rawatan perubatan yang baik mestilah mampu menawar “perkhidmatan yang tepat, **pada** harga yang tepat, dihantar **pada** masa dan tempat yang tepat”. Walau bagaimanapun, untuk mencapai semua **ini**, pembekal rawatan perubatan perlu peka mengenai sebab para pengguna memilih perkhidmatan tertentu dalam **pasaran**.

Terdapat perbezaan pendapat di antara ahli-ahli professional perubatan dan pengguna mengenai keperluan kesihatan atau rawatan perubatan.

Ahli professional perubatan **pada** kebiasaannya mentakrifkan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan dalam istilah teknikal. Secara tradisi ahli-ahli professional perubatan melihat keperluan pengguna sebagai setaraf dengan keperluan kesihatan atau rawatan perubatan [Fuchs, 1968; Jeffers, Bognanno dan Barteltt, 1971; Donabedian, 1973]. Biasanya pembekal-pembekal rawatan perubatan mewujudkan perkhidmatan-

perkhidmatan tertentu) seperti pengetahuan dan kemahiran teknikal pembekal, keupayaan teknologi institusi di mana pembekal berkenaan berfungsi, ujian-ujian tertentu, prosedur-prosedur pembedahan dan peraturan yang ditetapkan oleh pengamal perubatan sebagai respon kepada keperluan ini.

Sebaliknya, pengguna selalunya menggunakan kriteria-kriteria yang berlainan bila mengambilkira keperluan perubatan dan kesihatan. Mereka lebih menekankan kepada komponen-komponen bukan teknikal di mana mereka mengharap untuk mendapat nilai-nilai atau faedah-faedah darinya [Flexner, McLaughlin dan Littlefield, 1975; Stratmann, 1975].

Pembekal dan pengguna mengandaikan bahawa faktor-faktor berikut akan mempengaruhi sesebuah pusat perubatan kesihatan:

#### **4.3.3.1      *Umur***

Orang dewasa dijangka lebih kerap mendapat rawatan perubatan disebabkan ramai dari mereka yang berpenyakit [Nolan, 1993].

#### **4.3.3.2      *Jantina***

Kumpulan wanita dikenalpasti sebagai kumpulan yang berpenyakit oleh itu mereka lebih bersedia dan berusaha untuk mendapat rawatan [Nolan, 1993].

Kaum wanita yang **baru** melahirkan anak dalam masa dua belas bulan kebelakangan dijangka akan mendapatkan rawatan ke doktor berkaitan rawatan selepas bersalin [Nolan, 1993].

#### **4.3.3.3    *Pendapatan***

Permintaan terhadap rawatan kesihatan dianggap akan meningkat dengan pendapatan [Nolan, 1993; Puffer, 1986; Lavers, 1983]. Sebaliknya **Parkin** dan Yule [1985], melapurkan bahawa permintaan yang negatif

terhadap rawatan pergigian dan merumuskan bahawa rawatan pergigian **ini** adalah perkhidmatan yang kurang menarik.

#### **4.3.3.4    *Kumpulan-Kumpulan Sosial***

Kumpulan-kumpulan sosial selalunya mempunyai pengaruh ke **atas** permintaan rawatan kesihatan, di sebab oleh perbezaan maklumat dan ‘**cita rasa**’ . Kumpulan-kumpulan sosial atasan lebih berkemampuan dan berkesanggupan untuk mendapat rawatan perubatan [Nolan, 1993].

Le Grand [1982] dalam Wagstaff [1989] memberi alasan bahawa mereka yang berada di dalam kumpulan sosio ekonomi rendah akan menghabiskan lebih masa perjalanan untuk mendapatkan sesuatu rawatan daripada doktor kerana mereka lebih bergantung kepada pengangkutan awam dan terpaksa mengalami perjalanan yang jauh; menghabiskan masa yang lama untuk menunggu semasa mendapat rawatan perubatan (kemungkinan mereka ini tidak mempunyai telefon untuk membuat temujanji); dan menghadapi perbezaan peluang masa kos menunggu yang tinggi (gaji mereka dibayar atas setiap jam bekerja daripada mendapat gaji yang tetap).

#### **4.3.3.5 Kategori Yang Layak**

Mereka yang layak mendapat perkhidmatan percuma dianggap mempengaruhi penggunaan secara positif kerana khidmat nasihat doktor diberikan secara percuma. Kelayakan yang terhad juga akan mempengaruhi prilaku pesakit kumpulan lain untuk mendapat rawatan ke doktor [Nolan, 1993].

#### **4.3.3.6 Insurans Kesihatan**

Perbelanjaan untuk rawatan pesakit luar yang meliputi bayaran lawatan ke doktor swasta yang diganti balik

melalui insurans boleh **memberi kesan positif** insurans terhadap penggunaan [Nolan, 1993]. Tussing [ 1983] dalam Nolan, [1993] berpendapat bahawa mereka yang memiliki insurans mempunyai **cita rasa** yang berbeza terhadap penjagaan kesihatan.

#### **4.3.3.7    *Status Kesihatan Jasmani***

Mereka yang mempunyai penyakit jangka panjang atau yang **serba** kekurangan dari segi kesihatan jasmani, jelas dijangkakan mempunyai kadar penggunaan yang tinggi [Nolan, 1993].

#### **4.3.3.8    *Gangguan Psikologi***

Individu ini mempunyai kadar penggunaan yang lebih tinggi disebabkan oleh penderitaan psikologi [Nolan, 1993].

#### **4.3.3.9    *Lokasi***

Jarak daripada entiti rawatan perubatan akan mempengaruhi permintaan rawatan perubatan [Nolan, 1993]. Parkin [1979] dan Whitehouse [1985] menyelidiki aspek pengaruh jarak ke tempat rawatan oleh pesakit. Didapati bahawa mereka yang tinggal lebih jauh daripada tempat rawatan kurang meminta

nasihat doktor daripada mereka yang tinggal lebih berdekatan.

#### **4.3.3.10 Kos Perkhidmatan**

Kos perkhidmatan akan mempengaruhi sektor penjagaan primer (contoh rawatan pergigian dan ubatan yang memerlukan preskripsi) dan melibatkan tiga cara:

- Pertama, ia menghalang pesakit daripada berhubung dengan doktor (atau doktor pergigian).
- Kedua, pesakit akan mempengaruhi sifat rawatan doktor itu setelah hubungan dilaksanakan.
- Akhir sekali, doktor juga boleh menghalang pesakit dari mengikuti preskripsi rawatan.

Kajian yang dijalankan oleh Lavers [1983] merumuskan bahawa caj preskripsi tidak menghalang prilaku pesakit untuk mendapat rawatan, sungguhpun Parkin dan Yule [1985] mendapati bahawa caj rawatan pergigian mempunyai halangan yang lebih lemah ke atas prilaku pesakit yang mendapat nasihat. Ini menunjukkan bahawa harga yang diberi mungkin menjadi penghalang yang melemahkan akibat daripada

hubungan pertama itu. Sungguhpun begitu ia akan terus terlibat apabila hubungan pertama tadi dapat dibuat. Kesimpulan daripada Lavers [ 1983] mengandaikan bahawa kenaikan caj perubatan disebabkan oleh doktor-doktor yang memberi rawatan yang berlebihan setiap kali rawatan pesakit ataupun memberi ubatan yang lebih mahal.

#### **4 . 3 . 3 . 1 1 Masa Rawatan**

Teori-teori yang wujud disekeliling pengguna telah memfokuskan peranan masa. Salah satu kemungkinan adalah ‘harga-masa’ yang dibayar berfungsi sebagai alat pencatuan rawatan perubatan [Culyer dan Cullis, 1979]. Kedua penyelidik ini memberi alasan bahawa, sungguhpun pesakit itu menghadapi masalah wang yang runcing untuk rawatan yang akan diterima, mereka masih menghadapi masalah ‘harga-masa’ kerana perbezaan masa menunggu untuk mendapat rawatan seperti itu tidak seimbang.

Implikasi yang timbul ialah, sekiranya kapasiti kedatangan rawatan perubatan meningkat, jangka waktu menunggu akan menurun, mengakibatkan harga-masa jatuh dan jumlah orang yang datang didalam senarai menunggu akan meningkat.

#### **4.3.3.12 Faktor-Faktor Lain**

Melalui kajian Flexner dan Berkowitz [ 1979], didapati bahawa persepsi pengguna terhadap faktor-faktor berikut di dalam mempengaruhi pilihan mereka terhadap sesebuah entiti rawatan perubatan:

- Mutu Rawatan
- Bidang-bidang Khusus Perkhidmatan
- Sikap Kakitangan
- Reputasi **Pusat** Perubatan
- Kebersihan, penampilan dan susunatur atau perhiasan kemudahan

Kesahan faktor-faktor yang penting seperti di atas mengenai pilihan pengguna terhadap entiti rawatan juga dikaji oleh penyelidik lain [Parker, 1976; Ware, 1975; Ware dan Snyder, 1975; Wind dan Spitz, 1976]

Adalah penting bagi pembekal-pembekal rawatan perubatan mengimbangi keupayaan dan sumber sesebuah entiti rawatan perubatan kesihatan dengan kehendak dan keperluan pengguna. Kehendak dan keperluan ini penting kepada pengguna kerana ini akan mempengaruhi perilaku mereka terhadap entiti rawatan perubatan tersebut. Oleh kerana keutamaan dan citarasa pengguna berbeza-beza, pembekal-pembekal rawatan perubatan akan **cuba** sedaya upaya membekal perkhidmatan yang dibentuk

bersesuaian dengan kehendak dan keperluan pengguna.

Keutamaan kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan pengguna dalam menentukan **sama ada** untuk mendapatkan atau tidak perkhidmatan perubatan dan **di mana** untuk mendapatkannya. Selain itu penyelidik juga

berharap dapat melihat **sama ada** faktor-faktor penting ini akan mempengaruhi keputusan untuk menswastakan UKP atau tidak.

Pilihan-pilihan pengguna penting kepada pembekal-pembekal rawatan perubatan **sama ada** awam atau swasta kerana pengguna sekarang sudah mula membezakan penjagaan kesihatan yang dibekalkan awam dan swasta.


#### 4.4 **RANGKA TEORI KAJIAN**

Kajian ini mengandungi dua peringkat. Peringkat pertama adalah untuk mencari jawapan adakah penswastaan UKP berkesan dari segi kos. Ini akan dikaji melalui analisis keberkesanan kos yang dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu kos penyedian perkhidmatan UKP, kos penggunaan dan kos kakitangan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan. Selain dari menganalisis keberkesanan kos UKP, perbandingan akan dilakukan di antara perkhidmatan UKP dengan rawatan perubatan swasta.


Kedua kajian ini adalah mengenai persepsi pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan. Faktor-faktor yang diukur adalah faktor demografi

Rajah 4.1: Rangka Teori Kajian

**PERINGKAT PERTAMA**



**PERINGKAT KEDUA**



(umum, jantina, pendapatan, insurans kesihatan), lokasi, harga perkhidmatan, mutu rawatan, bidang-bidang khusus perkhidmatan, sikap kakitangan, reputasi **pusat** perubatan, dan kebersihan, penampilan dan susunatur atau perhiasan kemudahan. Kesemua peringkat **ini** dirajahkan seperti di dalam Rajah 4.1 (mukasurat 80).

#### 4.5 *PENUTUP*

Bab **ini** telah membincangkan ulasan-ulasan karya yang berkaitan dengan penilaian ekonomi sesebuah entiti rawatan perubatan. Penilaian ekonomi **analisis** keberkesanan kos telah dibentang secara ringkas dalam bab **ini**.

**Analisis** keberkesanan kos telah dikaitkan dengan persepsi pelajar UUM terhadap sesebuah entiti rawatan kesihatan. Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar UUM terhadap sesebuah entiti rawatan perubatan adalah faktor demografi, lokasi, harga perkhidmatan, mutu rawatan, bidang-bidang khusus perkhidmatan, sikap kakitangan, reputasi **pusat** perubatan, dan kebersihan, penampilan dan susunatur atau perhiasan kemudahan.

Akhir sekali bab ini mengutarakan satu rangka teori kajian. Peringkat pertama adalah mengenai **analisis** keberkesanan kos dan peringkat kedua berkaitan dengan persepsi pelajar-pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan. Bab seterusnya akan membincangkan kaedah penyelidikan yang akan mengukur kesemua aspek ekonomi **analisis** keberkesanan kos dan juga persepsi pelajar-pelajar UUM terhadap faktor-faktor yang akan mempengaruhi pilihan mereka terhadap sesebuah entiti rawatan kesihatan.

## *BAB LIMA*

### *METODOLOGI PENYELIDIKAN*

#### **5.1 *PENGENALAN***

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan untuk mengukur nisbah keberkesanan kos UKP sebelum diswastakan. Ini diikuti dengan analisis kepekaan, di mana perbandingan di antara perkhidmatan yang dibekalkan oleh UKP dibandingkan dengan perkhidmatan yang dibekalkan oleh pihak swasta. Bagi memantapkan lagi kajian ini persepsi kehendak dan keperluan pelajar-pelajar UUM terhadap entiti rawatan kesihatan diukur untuk mengetahui sikap dan perilaku mereka apabila berdepan dengan masalah kesihatan.

#### **5.2 *ANALISIS KEBERKESANAN KOS***

Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data untuk analisis keberkesanan kos ialah:

- Temubual
- Data Sekunder

### **5.2.1 Temubual**

Untuk mendapat maklumat mengenai penswastaan, penyelidik telah menemubual beberapa pegawai penting di UUM. Pegawai ini dipilih kerana keupayaan mereka untuk membuat perubahan dan juga mereka mewakili pembuat polisi dan pelaksana dasar dalam hal ini.

- (i) Pegawai Tadbir, HEP,
- (ii) Pegawai Perubatan, UKP,
- (iii) Pegawai Pergigian, UKP,

Dari segi analisis kepekaan, penyelidik telah menemubual dua orang pemilik klinik swasta (sebuah di Alor Setar, dan sebuah lagi di Jitra) untuk membandingkan perkhidmatan yang dibekal oleh awam dan swasta.

Tujuan temubual ialah untuk mengetahui apa yang ada di dalam minda seseorang [Patton, 1980]. Dalam temubual ini, soalan-soalan terbuka digunakan. Tujuan menggunakan soalan-soalan terbuka ialah bukan untuk meletakkan sesuatu ke dalam minda seseorang, tetapi untuk menilai perspektif orang yang sedang ditemubual itu [Patton, 1980]. Cara ini akan membolehkan seseorang itu untuk mengetahui perspektif seseorang yang lain.

Penyelidik telah memilih untuk menggunakan pendekatan panduan am temubual. Satu set garispanduan isu-isu yang hendak dikaji sebelum temubual sebenar dijalankan ditunjukkan dalam **Lampiran 5.1**. Isu-isu adalah selaras dengan rangka teori yang dibentangkan dalam Bab **Empat** untuk analisis ini.

Ringkasnya, panduan am temubual adalah sebagai senarai semak **asas** semasa temubual dijalankan dan ia bertujuan untuk memastikan semua topik-topik yang berkaitan. Tambahan pula, ia meliputi perkara-perkara dalam subjek yang dibincangkan di mana penyelidik bebas untuk menyelidik dan mengemukakan **soalan-soalan**.

Satu kelebihan yang ada pada panduan temubual ini ialah ia membolehkan penyelidik mengoptimakan penggunaan masa yang terhad dalam sesuatu situasi temubual [Patton, 1980]. Tambahan pula, kaedah ini boleh memberi fleksibiliti untuk menyelidiki perkara-perkara yang sebelumnya dianggap tidak begitu penting. Untuk memaksimakan perolehan maklumat dan sikap terus terang responden adalah baik dan penting jika penyelidik merahsiakan maklumat-maklumat apabila diminta oleh responden.

Kesimpulannya, data-data dapat dikumpul melalui beberapa temubual dengan beberapa pegawai tertentu di UUM dan juga pengusaha-pengusaha klinik-klinik swasta.

### *5.2.2 Data Sekunder*

Data sekunder mengenai UKP diperolehi melalui pembacaan laporan, dokumen-dokumen, memorandam, peraturan dan garispanduan UKP. Penyelidik juga telah mengkaji faktor-faktor berkaitan dengan analisis keberkesanan kos melalui buku-buku dan jurnal.

Dengan yang demikian analisis ini mencerminkan suatu pandangan dan sumber maklumat yang luas mengenai isi kandungan cadangan untuk menswastakan UKP.

## **5.3 PERSEPSI PELAJAR UUM TERHADAP ENTITI RAWATAN PERUBATAN**

### *5.3.1 Rekabentuk Penyelidikan*

Rekabentuk penyelidikan mengenai persepsi pelajar UUM terhadap sebuah entiti rawatan perubatan dibincang melalui topik-topik berikut:

#### *5.3.1.1 Jenis Kajian*

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menentukan hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah tak bersandar seperti lokasi, harga perkhidmatan, mutu perkhidmatan, jenis-jenis perkhidmatan khusus, sikap

kakitangan, reputasi klinik, kebersihan, penampilan dan susunatur atau perhiasan kemudahan dengan pembolehubah bersandar seperti kehendak dan keperluan pengguna. Penyelidikan ini adalah lebih merupakan satu kajian korelasi daripada kajian “causal”.

#### 5.3.1.2 ***Sifat Kajian***

Oleh kerana penyelidikan ini cuba untuk menganalisis hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah bersandar dengan pembolehubah-pembolehubah tak bersandar maka kajian ini adalah berbentuk analitik.

#### 5.3.1.3 ***Latarbelakang Kajian***

Kajian ini adalah kajian “field” kerana ia menyelidik persepsi pelajar-pelajar UUM di alam semulajadi kampus. Pembolehubah-pembolehubah adalah tidak dikawal dan juga tidak dimanipulasi kerana tidak ada latarbelakang buatan diwujudkan bagi tujuan penyelidikan ini.

#### 5.3.1.4 ***Jangkamasa Kajian***

Data-data bagi penyelidikan ini dikutip dalam tempoh satu bulan oleh kerana tidak ada kajian serupa ini

pernah dijalankan dan **ada** kemungkinan tidak **ada** kajian lanjutan dibuat selepas ini, maka kajian adalah bersifat “cross-sectional”.

#### 5.3.1.5 ***UnitAnalisis***

Oleh kerana penyelidik berminat untuk menentukan keperluan dan keinginan suatu kemudahan penjagaan kesihatan pelajar-pelajar UUM, maka unit **analisis** kajian ini ialah sebahagian pelajar-pelajar di UUM.

### ***5.3.2 Kaedah Penyelidikan***

#### 5.3.2.1 ***PopulasiDanSampel***

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar UUM. Pelajar-pelajar Tahun Dua dan Tiga dipilih bagi tujuan kajian ini berdasarkan pengalaman mereka mengunjungi **sama ada** UKP ataupun salah sebuah klinik pesakit luar di Sintok. Kajian sampel pelajar-pelajar Tahun Dua dan Tiga ini membolehkan rumusan dibuat secara umum untuk mewakili semua

pelajar di UUM. Pelajar Tahun Pertama tidak dipilih kerana mereka masih baru dengan suasana kampus dan penyelidik menganggap mereka kurang berpengalaman. Semen **tara** i tu pula pelajar-pelajar

Tahun Empat tidak dipilih kerana penyelidik menganggap mereka ini sibuk dengan tugasannya mereka kerana kajian ini dilakukan pada penghujung semester. Penyelidik berharap dengan pemilihan sampel dari Tahun Dua dan Tahun Tiga, pulangan soalselidik adalah lebih tinggi.

Prosedur persampelan rawak berlapis digunakan untuk menunjukkan perbezaan jantina iaitu lelaki dan perempuan pelajar-pelajar Tahun Dua dan Tiga. Pelajar-pelajar Tahun Dua berjumlah 2497 orang, di mana 1099 (44.0%) adalah pelajar lelaki, sementara 1399 (56.0 %) adalah pelajar perempuan. Manakala pelajar Tahun Tiga pula terdiri daripada 599 (44.9%) orang lelaki dan 736 (55.1%) pelajar perempuan.

Kemudian satu saiz sampel daripada populasi sasaran mengikut jantina, lelaki dan perempuan, ditetapkan pada kadar 5 %. Ini diikuti dengan pemilihan secara rawak mudah setiap lapisan jantina tersebut supaya mewakili sampel pelajar-pelajar UUM. Persampelan rawak bagi setiap lapisan dipilih dengan menggunakan Jadual Nombor Rawak berdasarkan kepada rangka persampelan.

Setelah setiap lapisan populasi dipilih secara rawak, sampel akhir yang mengandungi 84 pelajar lelaki (44.0%) dan 107 (56%) pelajar perempuan dipilih daripada kumpulan-kumpulan kecil.

Borang soalselidik yang mengandungi 29 perkara telah diagihkan kepada 191 orang pelajar sebagai sampel perwakilan.

### **5.3.2.2      *Kaedah Pengumpulan Data***

Kaedah pengumpulan data adalah seperti berikut:

(a)    ***Kajian Pra- Ujian***

Soalselidik telah diedarkan kepada 15 orang kawan untuk memeriksa **sama ada** penyusunan ayat betul di dalam borang soalselidik, sebelum pra-ujian dilakukan. Pra-ujian soalselidik telah dilakukan untuk menjadi ukuran yang **dicerap** dari subjek sebelum subjek yang dikaji dikenakan olahan pembolehubah tak bersandar.

Pra-ujian biasanya dilakukan **bagi** mengukur sejauh **mana** perubahan yang akan berlaku ke **atas** pembolehubah bersandar nanti aisebabkan oleh olahan pembolehubah tak bersandar.

Setelah merangkakan rangka teori bagi kajian ini, borang soalselidik telah disediakan. Pra-ujian soalselidik dikemukakan kepada 40 orang rakan-rakan pelajar lain di dalam kajian rintis ini. Daripada 40 borang soalselidik yang dipra-uji, hanya 25 (62.5%) **soalan** diterima kembali oleh penyelidik untuk **analisis** kebolehpercayaan.

(b) **Kajian Sebenar**

Soalselidik muktamad telah diagihkan secara peribadi kepada 19 1 orang pelajar dengan menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis seperti yang dijelaskan sebelum ini. Borang soalselidik telah diserahkan kepada pelajar-pelajar di kolej-kolej **masing-masing** pada petang hari dan penyelidik telah memberi jaminan kepada responden berkenaan bahawa identiti mereka akan dirahsiakan dan respon mereka adalah dianggap sulit.

Selepas tempoh seminggu borang soalselidik dikutip di Pejabat Kolej dan untuk memastikan responden yang **belum** memulangkan borang soalselidik, penyelidik telah menghubung, responden melalui surat peringatan. Pulangan

sepenuhnya **sangat** penting **bagi** memastikan maklumat yang didapati mencukupi untuk membuat **inferen tentang** populasi yang dikaji. Dalam tempoh 15 hari, sebanyak 114 borang soalselidik (**60%**) yang telah lengkap dikembalikan.

### **5.3.2.3      *Pembolehubah Dan Ukumn***

Borang soalselidik mengandungi 30 perkara yang direka untuk mengukur 3 faktor utama:

#### (a) ***Faktor demografi***

Faktor demografi mengukur 6 perkara mengenai peribadi responden iaitu:

- Umur,
- Jantina,
- Bangsa,
- Taraf Perkahwinan,
- Bilangan anak,
- Bagaimana yuran pengajian dibiayai,
- Sama ada responden mempunyai insurans kesihatan.

Perkara ini diukur dengan menggunakan skala nominal.

**(b) Faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan pengguna**

Skala pengukuran likert digunakan untuk mengukur **soalan** yang digunakan dalam menentukan ciri kehendak dan keperluan pengguna terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan entiti rawatan perubatan.

**(i) Faktor yang mempengaruhi pilihan**

- Kos perkhidmatan,
- Kualiti,
- Masa Rawatan,

**(ii) Faktor yang mengukur keperluan dan kehendak pengguna terhadap rawatan kesihatan**

- Lokasi,
- Kos perkhidmatan,
- Mutu rawatan,
- Bidang-bidang khusus perkhidmatan,
- Sikap kakitangan,

- Sikap kakitangan,
- Reputasi entiti rawatan perubatan,
- Kebersihan, penampilan dan susunatur atau perhiasan entiti rawatan perubatan.

Untuk keterangan lebih lanjut mengenai soalselidik, sila lihat Jadual 5.1.

**Jadual 5.1: Perkara-Perkara Di Dalam Soalselidik**

Perkara	Nombor	Lokasi Perkara		
		Perkara	Bahagian	Perkara
Faktor Demografi	7	A		1-6
Faktor Mempengaruhi Pilihan	3	B		1-3
Ciri-Ciri Yang Mengukur Keperluan Dan Kehendak Pengguna Terhadap Entiti Rawatan Perubatan				
(a) Lokasi	2	C		2, 10
(b) Kos Perkhidmatan	3	C		5, 14, 19
(c) Mutu Perkhidmatan	4	C		9, 12, 13, 16
(d) Bidang-Bidang Perkhidmatan Khusus	2	C		1, 8
(e) Sikap Kakitangan	2	C		6, 15
(f) Reputasi Entiti Rauatan Perubatan	4	C		3, 7, 11, 17
(g) Kebersihan, Penampilan Dan Susunatur Atau Perhiasan Entiti Rawatan Perubatan	2	C		4, 18

Sumber: Borang Soalselidik

Contoh borang soalselidik pula boleh dilihat di **Lampiran 5.2**.

#### **5.3.2.4    *Kaedah Analisis Data***

Mengikut Konting [1990], “Data merupakan bahan mentah. Sebagai bahan mentah, data tidak memberi sebarang maklumat yang berguna mengenai sesuatu masalah yang dikaji kecuali ia dianalisis dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu seperti kaedah statistik.” Penyelidik akan menganalisis data menggunakan tiga kaedah tertentu statistik. Penyelidik akan menggunakan program SPSS-PC untuk melaksanakan **tugas-tugas** tertentu. Kaedah statistik adalah seperti berikut:

##### **(a)    *Pengukuran Indeks Kebolehpercayaan***

Indeks kebolehpercayaan boleh diukur dengan perisian komputer SPSS-PC. Dalam SPSS-PC, prosedur **bagi** mengira indeks kebolehpercayaan boleh dilakukan dengan menggunakan subprogram **RELIABILITY**. Sub-program **RELIABILITY** akan menilaikan pelbagai butir dengan menggunakan pengiraan indeks kebolehpercayaan. Kaedah alpha Cronbach

akan digunakan **bagi** mengira indeks kebolehpercayaan **alat ukur** pembolehubah yang mengukur ciri kehendak dan keperluan **pengguna** mengenai entiti rawatan perubatan.

(b) *Statistik Prihalan*

Terdapat beberapa persoalan yang harus dijawab oleh penyelidik **tentang** sesuatu set data yang mengandungi cerapan pembolehubah yang dikaji. Statistik prihalan ialah statistik yang digunakan untuk memerihalkan sesuatu peristiwa. Ia merupakan sekumpulan teknik untuk menerangkan data atau maklumat dengan cara meringkaskan beberapa set data atau maklumat. Taburan frekuensi akan digunakan untuk menerangkan pembolehubah bersandar dan tak bersandar. Min, sisihan piawai dan varians **bagi** kesemua pembolehubah diperolehi melalui program DESCRIPTIVE.

#### 5.4 *PENUTUP*

Selepas membuat kajian ini dan memperolehi data-data, maka penyelidik telah menganalisis data-data ini untuk memperolehi maklumat yang berguna dan diikuti dengan keputusan **analisis** dan perbincangan yang akan dibentangkan di dalam bab seterusnya.

## *BABENAM*

### *ANALJSIS DAN KEPUTVSAN*

#### 6.1 **PENGENALAN**

Seperti yang telah diutarakan dalam Bab Empat, di dalam bab ini penyelidik akan meneliti tiga faktor utama kajian keberkesanan kos iaitu, ***kos penyedian perkhidmatan UKP***, ***penggunaan*** dan ***kos kakitangan***. Langkah pertama ialah **analisis** keberkesanan kos pengeluaran awam, iaitu perkhidmatan kesihatan UKP. **Analisis** dan keputusan bermula dengan mengemukakan faktor utama yang pertama iaitu ***kos penyedian perkhidmatan UKP***. Kos di sini ialah keseluruhan yuran kesihatan yang diterima **bagi** tempoh kajian iaitu Jan-Jun 1993. Ini diikuti dengan memperkenalkan **cara** serta penggunaan data **bagi** mewujudkan kos pengeluaran awam yang akan diikuti dengan **analisis** faktor kedua dan ketiga. Faktor kedua adalah ***penggunaan*** rawatan kesihatan UKP, Faktor ketiga yang dikira adalah ***kos kakitangan*** yang mengendalikan perkhidmatan rawatan perubatan. Daripada ketiga-tiga **analisis** faktor utama ini nanti, nisbah keberkesanan kos akan dikira. Langkah kedua ialah penganalisaan ketiga-tiga faktor ini untuk pengeluaran swasta, dan perbandingan dengan pengeluaran awam di dalam **analisis** kepekaan. Kesemua penemuan kajian keberkesanan kos ini akan diutarakan bersama di dalam keputusan kajian.

Selepas membentangkan keputusan keberkesanan kos, penyelidik akan menganalisis dan mengemukakan keputusan untuk soalselidik mengenai persepsi pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan. Di sini nanti kita akan mengetahui apakah ciri-ciri entiti rawatan perubatan yang mengakibatkan **sama ada** pelajar-pelajar akan pergi atau tidak untuk rawatan perubatan apabila mereka memerlukannya.

## 6.2 ***ANALISIS KEBERKESANAN KOS***

Hanya sedikit sahaja data yang boleh didapati mengenai kos yang digunakan oleh UKP. Tidak **ada** satu sistem akaun yang sistematik **bagi** menentukan setiap unit kos. Kesemua tanggungan kos **operasi** perkhidmatan UKP adalah dipusatkan di bawah **Pusat-Pusat Kos** yang terletak di bawah sistem akaun HEP. Sistem **ini** membezakan perbelanjaan perkhidmatan mengikut aktiviti program seperti Kolej-Kolej, Unit Perumahan, Unit Sukan, dan lain-lain. Seterusnya sistem **ini** mengagihkan bayaran perkhidmatan melalui pecahan nombor-nombor kod yang dinamakan kod objek.

Seseorang tentu menganggap bahawa semua kos perkhidmatan yang diperlukan oleh UKP boleh ditentukan dalam sistem akaun seperti ini, tetapi anggapan ini adalah tidak betul. Contohnya kos-kos kemudahan adalah secara tradisi tertakluk di bawah tanggungan UUM, tetapi dinikmati oleh semua jabatan dan aktiviti-aktiviti di bawah naungan UUM.

**Tugas** penyelidik di sini adalah untuk mengenalpasti keperluan-keperluan **bagi** mengendalikan UKP, dan kemudian mengira faktor-faktor utama keberkesanan kos unit ini.

#### *6.2.1 Kos Penyedian **Perkhidmatan UKP***

Seperti yang dibincangkan di dalam Bab **Empat**, andaian kajian ini mengenai kos untuk mengendalikan UKP ialah yuran kesihatan yang dibayar oleh pelajar-pelajar UUM setiap semester, iaitu sebanyak RM13.50 setiap seorang pelajar. Mengikut sumber daripada Jabatan Bendahari, selama **enam** bulan pertama tahun 1993, yuran yang dikutip daripada pelajar adalah sebanyak **RM92,805**. Jumlah kos ini adalah andaian penyelidik mengenai kos yang pihak UUM sanggup bayar untuk menswastakan perkhidmatan pesakit luar **bagi** UKP.

#### *6.2.2 Kos Penggunaan*

Mengikut konsep industri kesihatan, kebanyakan kajian mengenai penggunaan sebuah entiti rawatan perubatan pesakit luar adalah berdasarkan ke **atas** jumlah kedatangan pesakit luar. Dalam **hal** ini, penyelidik akan mengikut konsep industri kesihatan dengan menggunakan jumlah kedatangan pesakit luar ke UKP sebagai indeks penggunaan **bagi** entiti rawatan perubatan pesakit luar.

Jumlah pesakit yang dirawat oleh UKP bagi rawatan perubatan dan pergigian dalam tempoh kajian (Jan-Jun, 1993) dikemukakan dalam Jadual 6.1. Perkara ini juga digambarkan seperti dalam Rajah 6.1 (m.s 100).

**Jadual 6.1: Rawatan Bulanan UKP, Jan-Jun, 1993**

\*


Bulan Perkara	Jan.	Feb.	Mac	I April	I Mei	Jun	Jumlah
<b>Rawatan Perubatan</b>	1944	1904	1606	1208	469	502	7633
<b>Rawatan Pergigian</b>	388	492	184	365	129	120	1678
<b>Jumlah</b>	2332	2396	1790	1573	598	622	9311

Sumber: Laporan Bulanan UKP

Jumlah keseluruhan kedatangan pesakit luar yang mendapat rawatan perubatan dalam tempoh separuh tahun pertama 1993, ialah sebanyak 7633 kes. Purata kes yang dirawat setiap bulan ialah sebanyak 1272 kes. Nilai minima kes yang dirawat dalam sesuatu bulan adalah sebanyak 469 kes sementara nilai maksima kes yang dirawat adalah sebanyak 1944.

Untuk rawatan pergigian pula terdapat sebanyak 1678 kes yang dikendalikan dalam tempoh kajian. Purata kes yang dikendalikan setiap bulan adalah sebanyak 280. Nilai minima rawatan pergigian untuk sesuatu bulan adalah sebanyak 120 kes dan nilai maksima pula adalah sebanyak 492 kes sebulan.

**Rajah 6.1**  
Rawatan Bulanan UKP, Jan-Jun, 1993



Purata kes yang dirawat setiap bulan bagi tempoh Jan-Jun 1993 adalah 1552. Daripada jumlah keseluruhan kes ini, 1272 (82.0%) adalah kes rawatan perubatan, dan 280 (18.0%) adalah kes rawatan pergigian. Purata kes rawatan perubatan yang dirawat setiap hari adalah 51 dan untuk rawatan pergigian pula adalah hanya 11.

Kedatangan pesakit luar untuk mendapat rawatan perubatan di UKP mengikut segmen sasaran adalah seperti di dalam Jadual 6.2.

**Jadual 6.2:** Rawatan Pesakit Luar, UKP, Jan-Jun, 1993

Penyakit	Pelajar UUM	Kakitangan	Keluarga	A w a m	Jumlah
<b>Penyakit Saluran</b>					
Pernafasan	2178	475	428	56	3137
<b>Penyakit Kulit</b>					
Makanan	501	107	43	17	668
(Penyakit Kulit)	812	139	75	20	1046
<b>Penyakit Wata</b>					
	290	58	25	6	379
<b>Penyakit Saluran</b>					
Hidung Telinga & Tekak	139	40	14	7	200
<b>Sakit Tulang</b>					
	144	36	3	6	189
<b>Kecederaan Ringan</b>					
	62	20	9	14	105
Kemalangan Kederaan	29	10	3	4	46
<b>Campak</b>					
	67	4	5	0	76
<b>Sakit Jiwa</b>					
	21	0	0	2	23

Penyakit	Pelajar	Kakitangan	Keluarga	Orang Awam	Jumlah
	UUM				
<b>(Penyakit Saluran)</b>					
<b>Kencing</b>	22	10	5	4	41
<b>Sakit Puan</b>	64	17	11	1	93
<b>Lain-Lain Penyakit</b>	800	211	63	33	1107
<b>Rawatan Selepas</b>					
<b>(Uaktu Pejabat)</b>	227	45	67	15	354
<b>Rujuk Hospital</b>	99	26	10	5	140
<b>Masuk Ward</b>	25	2	2	0	29
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>5480</b>	<b>1200</b>	<b>763</b>	<b>190</b>	<b>7633</b>
	(71.8%)	(15.7%)	(10.0%)	(2.5%)	(100%)

Sumber : Laporan Bulanan UKP

Sasaran utama rawatan perubatan adalah pelajar-pelajar UUM iaitu sebanyak 5480 (71.8 %) kes, dan diikuti oleh kakitangan UUM 1200 (15.7%) kes, keluarga 763 (10.0%) kes dan orang awam 190 (2.5 %) kes. Para pelajar adalah yang paling ramai menggunakan perkhidmatan rawatan perubatan.

Jadual 6.2 juga menunjukkan jenis penyakit yang dirawat di UKP. Lima jenis penyakit yang menyebabkan kedatangan pesakit untuk mendapat rawatan di UKP adalah penyakit saluran pernafasan (4.1%), penyakit kulit (13.7%), penyakit saluran makanan (8.8%), penyakit mata (5.0%) dan penyakit saluran hidung, telinga dan tekak (2.6%).

Sementara itu pula kedatangan pesakit luar untuk mendapat rawatan pergigian adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 6.3.

Jadual 6.3: Rawatan Pergigian Unit Pergigian, UKP, Jan - Jm, 1993

Jenis Rawatan	Pelajar UUM	Kakitangan	Keluarga	Jumlah
Cabutan	82	32	65	179
Tampalan	515	130	43	688
Cuci Gigi	238	36	6	280
Penyakit Gusi	224	60	45	329
Cabutan Surgikal	1	0	0	1
Tampalan Sementara	81	25	19	125
Rauatan Pulps	40	5	0	45
X-ray	0	1	0	1
Check-up	17	0	9	26
Rujuk Hospital	0	0	0	0
Denture Repair	1	3	0	4
<b>Jumlah</b>	<b>1199</b>	<b>292</b>	<b>187</b>	<b>1678</b>

Sumber: Laporan Bulanan, Unit Pergigian, UKP

Pelajar adalah **sasaran** yang terbanyak sekali mendapat rawatan pergigian iaitu sebanyak 1199 (71.5 %) kes. Ini diikuti oleh kakitangan UUM sebanyak 292 (17.4%) kes, dan akhir sekali keluarga sebanyak 187 (11.1%) kes.

Dari Jadual 6.3, lima jenis rawatan yang kerap dibekalkan oleh UKP adalah Tampalan, 688 (41.0%) kes, penyakit **gusi**, 329 (19.6%) kes, cuci **gigi**, 280 (16.7%) kes, cabutan, 179 (10.6%) kes dan **tampalan** sementara, 125 (7.4%) kes.

Tidak terdapat data berkenaan dengan kos rawatan di UKP. Oleh itu perbandingan kos rawatan di antara UKP dan lain-lain entiti rawatan perubatan swasta, memerlukan pengasingan kos rawatan yang telah digunakan oleh UKP sebagai satu ukuran terhadap perkhidmatan pesakit luar secara langsung.

Pihak UKP didapati tidak mempunyai data-data yang lengkap mengenai kos rawatan. **Apa** yang dipraktikkan oleh UKP sekarang ialah unit ini mengenakan kos rawatan dengan kadar **RM8** untuk setiap kes rawatan perubatan kepada orang awam.

Kos rawatan dikaitkan dengan kos preskripsi yang dikenakan kepada setiap pesakit luar yang datang untuk dirawat. Kos preskripsi adalah caj yang pesakit perlu bayar mengikut jenis *ubat-ubatan* yang diperlukan untuk menyembuhkan penyakit-penyakit yang dirawat. Akan tetapi, perkhidmatan khusus seperti ujian makmal, yuran doktor untuk setiap kali rawatan dikecualikan dalam pengiraan kos preskripsi. Oleh hal yang demikian, kos preskripsi menggambarkan hanya bayaran yang dikenakan untuk sebahagian sahaja daripada kos dan rawatan perkhidmatan perubatan yang diberikan.

Jadual 6.4 menunjukkan purata kos setiap penyakit, nilai minima dan maksima kos setiap preskripsi yang diperolehi dari UKP semasa tempoh kajian.

**Jadual 6.4: Kos Preskripsi**

Penyakit	Jumlah Preskripsi	Kos Keseluruhan	Kos Setiap Preskripsi	Nilai Minima	Nilai maksima
Penyakit Saluran Pernafasan	230	958. 81	4.17	0.90	55.661
Penyakit Saluran Wakanan	45	203.64	4.53	0.54	16.801
Penyakit Kulit	76	554.79	7.30	0.67	43.261
Penyakit Mata	28	64.4	2.30	0.60	6.89
Penyakit Saluran Midung, Telinga & Tekak	14	171.31	12.24	1.62	34.181
Sakit Tulang	14	112.01	7.47	1.81	14.581
Kecederaan Ringan	6	19.45	3.24	0.99	9.781
Kemalangan Kederaan	34	167.81	4.94	0.50	17.651
Campak	7	22.28	3.18	2.12	3.721
Sakit Jiua	22	142.15	6.46	1.92	33.601
Penyakit Saluran Kencing	21	121.91	5.80	1.38	14.71)
Sakit Puan	9	18.78	2.09	0.42	7.37
Lain-Lain Penyakit	71	552.87	7.79	0.39	40.501
Rauatan Selpas Waktu					
Pejabat	60	253.8	4.23	1.20	6.84
Penyakit Gusi	20		*1.14	*	-

Sumber: UKP

Note: \* Terapi adalah tetap

Jadual 6.5 adalah pengiraan kos preskripsi untuk keseluruhan rawatan yang dibekalkan oleh UKP dalam tempoh kajian. Kos purata yang digunakan bagi setiap preskripsi didarabkan dengan penggunaan setiap jenis penyakit dalam tempoh kajian bagi menentukan kos perkhidmatan awam, UKP. Keseluruhan kos untuk semua penyakit yang dirawat akhirnya dijumlahkan (Rujuk Jadual 6.5).

Jadual 6.5: Rauatan Pesakit Luar, UKP, **UUM**, Jan-Jm 1593

Penyakit	Pelajar UUM	Kakitangan	Keluarga	Awam	Jumlah	Harga Setiap Preskripsi	Jumlah RM
<b>Penyakit Saluran Penafasan</b>	2178	475	428	56	3137	4.17	~13081.29;
<b>Penyakit Saluran Makanan</b>	501	107	43	17	668	4.53	3026.041
<b>Penyakit Kulit</b>	812	139	75	20	1046	7.30	7635.801
<b>Penyakit Mate</b>	290	58	25	61	379	2.30	<b>871.70</b>
<b>Penyakit Saluran Hidung, Telinga &amp; Tekak</b>	139	40	14	7	200	12.24	2448.001
<b>Sakit Tulang</b>	144	36	3	6	189	7.47	<b>1411.83)</b>
<b>Kecederaan Ringan</b>	62	20	9	14	105	3.24	<b>340.20</b>
(Kemalangan	29	10	3	4	46	4.94	227.241
(Kenderaan							
<b>Campak</b>	67	4	5	0	76	3.18	241.681
<b>Sakit Jiua</b>	21	0	0	2	23	6.46	<b>148.58</b>
<b>Penyakit Saluran Kencing</b>	22	10	5	4	41	5.80	237.801

Penyakit	Pelajar UUM	Kakitangan	Keluarga	Auam	Judah	Harga Setiap Preskripsi	Jumlah RM
Sakit Puan	64	17	11	1	93	2.09	194.37
Lain-Lain Penyakit	800	211	63	33	1107	7.79	8623.53
Rawatan Selepas Waktu Pejabat	227	45	67	15	354	4.23	1497.421
Penyakit Gusi	224	60	45	0	329	1.14	375.06
Jumlah Keseluruhan	5580	1232	796	185	7793		40360.54

Sumber: UKP, UUM

Jadual 6.5 menunjukkan bahawa kos purata setiap preskripsi bagi penyakit saluran pernafasan adalah RM4.17. Dipetak sebelah kiri adalah penggunaan penyakit saluran pernafasan pada bulan Jan-Jun 1993, yaitu sebanyak 3137 kes. kos keseluruhan untuk penyakit ini dikira dengan mendarabkan kos setiap preskripsi dengan penggunaan dalam tempoh kajian. Contohnya,  $\text{RM}4.17 \times 3137 = \text{RM}13,081.29$ .

Jelaslah, kos perkhidmatan untuk merawat penyakit saluran pernafasan di UKP adalah RM13,081.29 dalam tempoh kajian. Keputusan kos perkhidmatan yang dibekalkan oleh UKP boleh didapati di dalam muka surat akhir Jadual 6.5. Sebagai ringkasan, jumlah yang diperlukan oleh UKP adalah **RM40,360.54** dan purata kos setiap preskripsi adalah **RM5.18**.

Kos ini hanya menggambarkan keseluruhan Kos bagi preskripsi sahaja dan tidak termasuk yuran doktor yang merawat kes, di mana perkara ini akan dibincangkan seterusnya.

### *6.2.3 Kos Kakitangan*

Keperluan kakitangan untuk mengendalikan rawatan perubatan UKP adalah seperri yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.1**, dalam Bab Dua. Keperluan kakitangan ini adalah sumber primer untuk menentukan kos perkhidmatan yang diberikan oleh UKP. Emolumen untuk kesemua kakitangan yang mengendalikan perkhidmatan di UKP adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.3 dalam Bab Dua. Jumlah keseluruhan kos kakitangan, UKP untuk **enam** bulan pertama 1993 adalah **RM104,191.**

### *6.2.4 NISBAH KEBERKESANAN KOS*

Dengan ringkasnya, jika nisbah keberkesanan kos yang diperolehi lebih dari 1, bolehlah disimpulkan bahawa terdapat keberkesanan kos dan penyediaan perkhidmatan kesihatan itu menguntungkan dari segi ekonomi. Nilai untuk ketiga-tiga faktor utama yang diperolehi dari analisis keberkesanan kos untuk UKP adalah seperti berikut:

Kos penyedian perkhidmatan UKP (K) = **RM92,805**

Kos penggunaan  $P_1$  = **RM40,361**

Kos kakitangan  $P_2$  = **RM104,191**

Jelaslah:

$$\text{Nisbah keberkesanan kos (Z)} = \frac{K}{(P_1 + P_2)}$$

$$Z = \frac{\text{RM}92,805}{(\text{RM}40,361 + \text{RM}104,191)}$$

$$Z = \frac{\text{RM}92,805}{\text{RM}144,552}$$

$$z = 0.64$$

Kesimpulannya, kos penyediaan perkhidmatan UKP untuk tempoh kajian adalah **RM92,805** yang diperolehi dari kutipan yuran kesihatan pelajar. Untuk penggunaan perkhidmatan rawatan pesakit, kos yang diperlukan adalah **RM40,361**. Kos kakitangan adalah **RM 104,191**. Keputusan nisbah keberkesanan kos adalah 0.64. Nisbah keberkesanan kos kurang dari 1 dan ini menunjukkan bahawa perkhidmatan kesihatan UKP adalah tidak keberkesanan kos dan tidak menguntungkan dari segi ekonomi.

### 6.3 ANALISIS KOS KEPEKAAN

**Analisis** kos kepekaan mengkaji kos perkhidmatan swasta daripada sudut ekonomi melalui model keberkesanan kos. Faedah **analisis** kepekaan adalah untuk menjawab persoalan utama iaitu ‘What If’. Dua buah klinik swasta telah dipilih untuk **analisis** kepekaan. Sebuah daripada klinik swasta ini dinamakan ‘Pembekal Satu’ yang terletak di **Alor Setar**.

Pemilik klinik ini telah meminta supaya nama kliniknya dirahsiakan. Klinik swasta kedua yang mengambil bahagian dalam kajian ialah Klinik Won yang terletak di Jitra.

**Analisis kepekaan** bermaksud pengupasan persoalan mengenai kos perkhidmatan penswastaan yang ditawarkan oleh kedua-dua buah klinik ini. Analisis ini juga ingin mengutarakan nisbah keberkesanan kos pengeluaran swasta. Andaian yang dibuat ialah pengeluaran perkhidmatan UKP dan kedua-dua klinik swasta adalah setaraf.

Jadual 6.6 menunjukkan laporan **analisis** kepekaan. Barisan pertama menggambarkan kos **penyediaan** perkhidmatan UKP (K). Barisan kedua adalah kos penggunaan klinik swasta ( $P_1$ ). Barisan ketiga adalah kos kakitangan klinik swasta ( $P_2$ ). Barisan keempat adalah nisbah keberkesanan kos (Z).

**Jadual 6.6: Keputusan Analisis Kepekaan**

Pembekal	Rauatan	Kos	Kos	Kos	Nisbah
		Penyediaan Perkhidmatan	Penggunaan Swasta	Kakitangan Suasta	Keberkesanan Kos
	UKP (K)	$(P_1)$	$(P_2)$	(Z)	
	RM	RM	RM		
Pembekal Satu	92,805	41,147	44,576	1.08	
Klinik Won	92,805	46,758	31,172	1.19	

Sumber: Temubual

Dari Jadual 6.6, nisbah keberkesanan kos untuk perkhidmatan Klinik ‘Pembekal Satu’ adalah 1.08 dan untuk Klinik Won adalah 1.19. Nisbah keberkesanan kos untuk kedua-dua klinik adalah lebih dari 1. Kesimpulannya, dapatlah dirumuskan dari **analisis** kepekaan bahawa kos penswastaan untuk perkhidmatan UKP adalah lebih keberkesanan kos dan penyediaan pengeluaran swasta adalah lebih menguntungkan dari segi ekonomi.

#### **6.4 LAIN-LAIN FAEDAH DAN KOS**

**Analisis** keberkesanan kos dalam kajian ini hanya dapat menjawab **soalan** yang melibatkan kos yang berhubung dengan memberikan **rawatan** perubatan pesakit luar di bawah dua sistem iaitu swasta dan awam. Malah difahamkan bahawa penggubal dasar **juga** berminat untuk **memberi** pertimbangan kepada perkara-perkara lain yang berkaitan dengan rawatan perubatan. Oleh itu penyelidik sedar bahawa kajian ini hanya mengemukakan sebahagian daripada maklumat untuk keputusan itu.

Perkara-perkara lain yang perlu dipertimbangkan dalam mencapai keputusan **sama ada** untuk menswastakan UKP adalah seperti berikut:

##### **6.4.1 Rawatan Perubatan Yang Spesifik**

Kepentingan kajian ini adalah perbandingan dua **cara** dalam mengadakan perkhidmatan kesihatan. Walau bagaimanapun, perlu juga dinyatakan bahawa model keberkesanan kos ini tidak

membandingkan keberkesanan kos di antara perkhidmatan UKP dan sektor swasta dalam menghasilkan perkhidmatan yang spesifik.

Lebih tepat lagi, apa yang dibezakan adalah kos agregat **bagi** mengadakan perkhidmatan pesakit luar keseluruhannya. UKP, mungkin lebih **kos** efektif di dalam pengeluaran perkhidmatan yang spesifik, tetapi kerana ekonomi skala ataupun tanggungan kerja yang tidak mencukupi menyebabkan sistem UKP, didapati kurang kos efektif.

#### **6.4.2 Penggunaan Teknologi**

Sejak kebelakangan **ini**, terdapat kemajuan dalam teknologi perubatan dan perubahan dalam **amalan** perubatan yang mengakibatkan perubahan dalam ciri rawatan pesakit luar. Misalnya, teknologi perubatan yang lebih canggih, keperluan perkhidmatan yang lebih kompleks dan pertambahan jumlah kakitangan yang mahir untuk merawat pesakit luar. Jika UKP tidak mengikut perkembangan **ini**, ia akan ketinggalan jauh di belakang. Sebaliknya, jika UKP bersaing untuk mengejar perubahan **tersebut** ia akan menghadapi kos kurang efektif.

#### **6.4.3 Sudut Pandangan**

Adalah jelas bahawa keputusan **analisis** keberkesanan kos **ini** hanya merupakan satu usaha **bagi** mengenalpasti kos dari

perspektif belanjawan UUM. Oleh kerana itu, keputusan untuk menswastakan UKP akan mengurangkan kos dan menambahkan faedah yang memberi keuntungan kepada kumpulan-kumpulan tertentu terutama sekali pelajar UUM, pekerja dan juga orang awam.

Russell [1986] dan Torrance [1986] mencadangkan bahawa “nisbah keberkesanan kos boleh dilihat dari sudut pandangan seorang individu, majikan, program kerajaan, dan juga dari sudut pandangan sosial.

Russell [1986] menjelaskan bahawa sebahagian besar penulisan-penulisan mengenai keberkesanan kos mengambilkira sudut pandangan sosial, iaitu mereka mengukur keseluruhan kos dan kesan sesuatu program, tanpa mengambilkira siapa yang harus membayar perkhidmatan itu ataupun siapa yang akan menggunakaninya. Sudah pasti, hanya penilaian yang dibuat daripada sudut pandangan sosial menunjukkan keseluruhan kos dan faedah bagi sesuatu program. Namun demikian, keputusan daripada penilaian itu tidak menggambarkan kos dan faedah yang boleh memberi keuntungan kepada sesuatu kumpulan masyarakat tertentu seperti individu, majikan ataupun program-program kerajaan.

#### **6.4.4 Cara Hidup**

***Keputusan ke atas mana-mana analisis keberkesanan kos perlu mengambil kira sudut pandangan yang lain. Penjimatan dalam salah satu sektor akan memberi kesan terhadap kos dalam sektor yang lain.***

***Russell [1986], membincangkan pandangan mengenai ‘cara hidup’ di dalam bukunya “Is Prevention Better Than Cure”:-***

“Kebanyakan daripada kos yang terlibat untuk mengubah ‘**cara hidup**’ berlaku di luar sektor perubatan. Dalam kebanyakan kes, perubahan ‘**cara hidup**’ akan mengurangkan kos sektor perubatan, walhal kos di sektor lain pula mungkin tidak. Tetapi penjimatan dalam sektor perubatan tidak banyak menguntungkan masyarakat sekiranya keputusan itu perbelanjaan yang lebih besar di sektor lain. Samalah juga jika disebaliknya **perbelanjaan** perubatan bertambah tetapi perbelanjaan sektor lain berkurang”.

#### **6.4.5 Keseimbangan**

Keseimbangan di antara keberkesanan kos dan kerugian akibat penswastaan di mana individu seperti orang awam, pelajar UUM, kakitangan dan keluarga yang secara psikologi merasa terjamin dengan perkhidmatan yang diberikan oleh UKP, tidak dikaji di sini. Sungguhpun begitu, keseimbangan merupakan **salah** satu kriteria yang mempengaruhi penggubal dasar dalam mencapai keputusan.

#### **6.4.6 Objektif Sosial**

Aktiviti-aktiviti rawatan perubatan juga boleh mendatangkan faedah yang bersangkutan dengan objektif sosial, sebagai contoh, peluang yang saksama terhadap sumber rawatan perubatan. Pesakit yang tidak mempunyai pengangkutan mungkin akan menghadapi masalah untuk mendapat perkhidmatan pesakit luar. Kesan seperti ini tidak akan dirasai samarata di kalangan pesakit. Sesetengah pesakit serta keluarga mereka akan mendapati bahawa memindahkan perkhidmatan pesakit luar mereka kepada perkhidmatan rawatan perubatan yang lain sebenarnya akan memperbaiki peluang mereka terhadap rawatan perubatan tersebut.

Perbezaan kesan ini juga dipengaruhi oleh perbezaan seperti jarak, keadaan jalan raya, kemudahan pengangkutan, cuaca, dan sebagainya.

#### **6.4.7 Faedah-Faedah Lain**

Terdapat juga faedah-faedah lain yang berkaitan dengan rawatan pesakit luar. Kajian ini juga cuba mengariskan beberapa faedah yang diperolehi oleh penduduk UUM daripada kemudahan rawatan kesihatan mereka. Penilaian serta penaksiran sistematik ke atas faedah-faedah ini tidak termasuk dalam skop kajian ini. Pelbagai jenis faedah rawatan perubatan pesakit luar yang didapati tidak mudah untuk diukur. Misalnya:

- ***Faedah secara langsung***

Tabungan dalam bentuk kos kesihatan yang disebabkan oleh program penswastaan, justeru membuat orang ramai lebih sihat .

- ***Faedah secara tidak langsung***

Bentuk kos pengeluaran yang berfaedah kepada masyarakat kerana lebih ramai orang berkeadaan sihat dan mampu untuk kembali bekerja.

- ***Faedah tidak ketara***

Bentuk kos pengurangan dalam kesakitan, kesedihan dan penderitaan oleh pesakit serta keluarga yang disebabkan perubahan-perubahan akibat rawatan kesihatan.

Adakah kita akan menganggap bahawa faedah-faedah ini sudah mencukupi tanpa memperdulikan kepada latar belakang institusi itu - awam atau swasta?

#### ***6.4.8 Kos-Kos Lain***

Kos individu tidak langsung diketengahkan di dalam kajian model keberkesanan kos ini. Misalnya, nilai masa pesakit yang pergi ke tempat rawatan lain selain daripada UKP dan sebaliknya.

Contoh-contoh di atas menggambarkan aspek-aspek mengenai faedah dan kos lain yang dikenalpasti mempengaruhi pengiraan keberkesanan kos itu. Penyelidik berharap penggubal dasar dapat mengambilkira faedah dan kos yang lain dalam mencapai sesuatu keputusan.

## 6.5 PERSEPSI PELAJAR UUM TERHADAP ENTITI RAWATAN PERUBATAN

Daripada 191 borang soalselidik yang diberi kepada pelajar-pelajar UUM Tahun Dua dan Tiga, 114 (60%) responden memulangkan balik borang soalselidik. Data-data yang diperolehi daripada borang soalselidik ini dikaji dengan menggunakan pakej SPSS/PC. Keputusan-keputusan dan perbincangan adalah seperti berikut:

### 6.5.1 Indeks Kebolehpercayaan: Alpha Cronbach

Indeks kebolehpercayaan iaitu alpha Cronbach telah diperolehi melalui sub-program RELIABILITY untuk 20 soalan dalam soalselidik yang mengukur faktor-faktor utama di dalam analisis persepsi pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan. Alpha Cronbach adalah seperti berikut:

	Alpha Cronbach
Pra-Ujian (20 soalan)	0.5 106 (Lampiran 6.1)
Pra-Ujian (19 soalan)	0.55 10 (Lampiran 6.2)
Kajian (19 soalan)	0.4212 (Lampiran 6.3)

Penyelidik telah mengeluarkan satu **soalan** daripada 20 **soalan** untuk meningkatkan indeks kebolehpercayaan 0.5106 kepada 0.5510 semasa pra-ujian. **Soalan** yang dikeluarkan adalah:

“Rawatan di sesetengah klinik lebih baik  
dari yang lain”

Nunally [ 1975], berpendapat bahawa indeks kebolehpercayaan 0.75 sebagai yang minima, tetapi menganggapkan bahawa “Untuk mencapai keputusan penting di dalam kajian yang melibatkan perjumlahan ujian, indeks kebolehpercayaan 0.90 adalah tidak mencukupi” . Mengikut Davies [1964] pula, di dalam kebanyakan kajian indeks kebolehpercayaan serendah 0.50 boleh diterima.

### ***6.5.2 Statistik Prihalan***

#### ***6.5.2.1 Faktor Demografi***

Taburan frekuensi faktor demografi responden dalam kajian ini adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.7.

**Jadual 6.7: Taburan Frekuensi Faktor Demografi**

Faktor Demografi	Taburan Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
<b>Umur</b>			
Krg 21 thn	4	3.5	3.5
21-25	109	95.6	99.1
26-30	1	0.9	100
		N = 114	100
<b>Jantina</b>			
Lelaki	46	40.4	40.4
Perempuan	68	59.6	100
		N = 114	100
<b>Bangsa</b>			
(Melayu	87	76.3	76.3
(Cina	21	18.4	94.7
India	2	1.8	96.5
Lain-Lain	4	3.5	100
		N = 114	100
<b>Yuran Pengajian Dibiayai Oleh</b>			
<b>Biasiswa/Dermasiswa</b>			
Pinjaman	83	72.8	72.8
Bayaran Sendiri	28	24.6	97.4
Tidak Menjawab	3	2.6	100
		N = 114	100
<b>Memiliki Insurans Kesihatan</b>			
Tidak	105	9.3	97.4
Tidak M'jawab	3	2.6	100
		N = 114	100

Sumber: Soalselidik

Dari Jadual 6.7 ini dirumuskan bahawa kebanyakan responden-responden adalah di dalam lingkungan umur 21-25 tahun (95.6%). Didapati seramai 46 orang responden (40.4%) adalah lelaki dan selebihnya 68 orang responden (59.6%) adalah perempuan. 87 orang responden (76.3 %) berbangsa Melayu dan

selebihnya (23.7 %) adalah dari **bangsa-bangsa** lain (misalnya Cina, India, dan lain-lain suku kaum Sabah dan Sarawak). Yuran pengajian **83** orang responden (74.8%) adalah dibiayai **sama ada** melalui biasiswa, dermasiswa ataupun melalui pinjaman dan selebihnya (25.2%) membayai pelajaran mereka sendiri. Akhir sekali hanya 6 orang responden (5.4 %) memiliki insurans kesihatan dan yang selebihnya (94.6%) tidak mempunyai insurans kesihatan.

#### **6.5.2.2    *Kepentingan Ciri Kos Perkhidmatan, Kualiti dan Masa Rawatan***

Purata nilai respon mengenai faktor kos perkhidmatan dan kualiti adalah di dalam lingkungan angka 1 (Tinggi) dan 5 (Rendah). Persepsi pelajar UUM terhadap perkhidmatan kesihatan UKP yang berkualiti adalah tinggi iaitu 1.86. Untuk kos perkhidmatan pula respon purata pelajar UUM adalah 2.93, iaitu mereka lebih gemar kos perkhidmatan rawatan yang sederhana. Untuk masa rawatan di **mana 1** (Masa Sekejap) dan **5** (Masa Lama), nilai purata respon adalah 2.49, iaitu pelajar-pelajar tidak begitu menganggap faktor masa rawatan ini sepenting persepsi faktor kualiti. Rumusan persepsi pelajar-

pelajar UUM terhadap kos perkhidmatan, kualiti dan masa rawatan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.8.

**Jadual 6.8: Kepentingan Faktor Kos Perkhidmatan, Kualiti Dan Masa Rawatan**

Faktor	Purata	Sisihan X	Varians Piaawai
Kos Perkhidmatan	2.93	1.06	1.12
Kualiti	1.86	1	1
Masa Rawatan	2.49	1	1

Sumber: Soalselidik

**Nota:** Untuk "Kos Perkhidmatan" dan "Kualiti", nilai adalah purata respon mengikut 5-angka skala dimana "Tinggi = 1" dan "Rendah = 5". Untuk "Masa Rawatan", nilai adalah purata respon mengikut 5-angka skala dimana "Masa Sekejap = 1" dan "Masa Lama = 5".

### **6.5.2.3 Faktor-faktor Utama Yang Mempengaruhi Persepsi Pelajar UUM Terhadap Entiti Rawatan Perubatan**

Jadual 6.9 menunjukkan faktor-faktor utama yang mempengaruhi persepsi pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan. Nilai purata persepsi kehendak dan keperluan pelajar-pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan adalah 2.32. Nilai adalah di antara 1 (setuju) dan 5 (Tidak Setuju). Jika mengikut susunan, pelajar-pelajar UUM lebih mengutamakan nilai reputasi entiti rawatan perubatan (nilai purata 1.81), dan diikuti oleh faktor-faktor lain seperti

' bidang-bidang khusus perkhidmatan (nilai purata 1.89), kebersihan, penampilan dan susunatur atau perhiasan entiti rawatan perubatan (nilai purata 1.96), lokasi (nilai purata 2.16), kualiti rawatan (nilai purata 2.34), sikap kakitangan (nilai purata 2.51) dan akhir sekali kos perkhidmatan (nilai purata 3.64).

**Jadual 6.9: Persepsi Pelajar UUM Terhadap Entiti Rawatan Perubatan**

Faktor-Faktor	Purata	Sisihan X	Varians Piawai
Persepsi Pelajar UUM	2.32	0.25	0.06
Reputasi Entiti Perubatan	1.81	0.52	0.27
Bidang-Bidang Khusus (Perkhidmatan	1.89	0.63	0.40
Kebersihan, Penampilan Dan Susunatur atau			
Perhiasan Entiti Perubatan	1.96	0.57	0.33
Lokasi	2.16	0.68	0.47
Kualiti Perkhidmatan	2.34	0.41	0.17
Sikap Kakitangan	2.51	0.55	0.31
Kos Perkhidmatan	3.64	0.57	0.33

Sumber: Soalselidik

**Nota:** Untuk semua faktor-faktor di atas, nilai purata responen adalah mengikut skala 5-angka di mana "Sangat Setuju = 1" dan "Sangat Tidak Setuju = 5".

### *6.5.2.3 Rumusan*

Dalam membuat keputusan **sama ada** untuk menswastakan UKP, penyelidik telah mengemukakan kehendak dan keperluan pelajar-pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan. Faktor-faktor seperti kualiti, kos perkhidmatan, masa rawatan, lokasi, kos perkhidmatan, **bidang-bidang** khusus perkhidmatan, sikap kakitangan, reputasi **pusat** perubatan, kebersihan, penampilan dan susunatur atau perhiasan kemudahan adalah faktor yang dilihat oleh pengguna sebagai penting.

Apa yang dikehendaki oleh pelajar-pelajar UUM adalah perkhidmatan rawatan perubatan yang berkualiti tinggi tetapi **pada** kos yang sederhana. Pelajar-pelajar UUM di dalam mendapat rawatan perubatan tidak mementingkan **sangat** masa rawatan. Mereka **sangup** menunggu rawatan di dalam lingkungan masa rawatan yang sederhana.

Di dalam memilih entiti rawatan perubatan pula, pelajar-pelajar UUM bersetuju bahawa reputasi sesebuah klinik **sangat** penting dalam mempengaruhi pilihan mereka terhadap entiti rawatan. Melalui soalselidik reputasi boleh diperolehi daripada dua **cara** iaitu pertama melalui pengiklanan perkhidmatan dan kedua mendapat

maklumat daripada pelajar-pelajar yang pernah mendapat rawatan dari sesebuah klinik itu.

Pelajar-pelajar UUM juga lebih maklum bahawa mereka yang mendapat rawatan di UKP menghidapi bebagai jenis penyakit dan perubahan yang terdapat di dalam cara rawatan telah mempengaruhi persepsi pelajar-pelajar terhadap bidang-bidang khusus perkhidmatan. Kesedaran terhadap peningkatan teknologi yang kompleks di dalam bidang perubatan juga member-i kesan terhadap persepsi ini.

Faktor ketiga yang dianggap penting oleh pelajar-pelajar adalah kebersihan, penampilan dan susunatur entiti rawatan perubatan. Faktor ini juga boleh melambangkan kualiti rawatan.

Faktor lokasi kurang mempengaruhi pemilihan entiti rawatan perubatan. Ini berkemungkinan pelajar-pelajar ini tahu bahawa UKP adalah terletak dalam kampus dan mereka boleh mendapat rawatan pada bila-bila masa sahaja. Terdapat juga pengangkutan yang memuaskan di antara kampus UUM dan klinik-klinik swasta samada dengan menggunakan pengangkutan sendiri atau awam. Terdapat sebuah klinik swasta dan sebuah klinik kerajaan di Changlun, pekan terdekat dengan kampus UUM.

Faktor seterusnya ialah kualiti rawatan, sikap kakitangan dan kos perkhidmatan. Pelajar-pelajar UUM berpendapat mereka agak bersetuju mengenai faktor-faktor ini di dalam mempengaruhi pemilihan mereka terhadap sesebuah entiti rawatan perubatan.

Terdahulu mereka menganggap bahawa kualiti dan kos perkhidmatan akan' mempengaruhi pilihan mereka tetapi akhirnya mereka mendapati kehendak mereka berlainan sekali.

Kesimpulannya, penyelidik berharap dalam mencapai keputusan untuk menswastakan UKP penggubal dasar akan menimbangkan lain-lain faedah dan kos yang dipengaruhi oleh perkara-perkara berikut:

- Rawatan perubatan yang spesifik,
- Penggunaan teknologi,
- Sudut pandangan,
- Cara hidup,
- Keseimbangan,
- Objektif sosial,
- Faedah-faedah lain,
- Kos-kos lain.

Penggubal dasar perlu mengkaji faktor-faktor lain yang mempengaruhi kehendak dan keperluan pengguna seperti berikut:

- Reputasi entiti perubatan,
- Kualiti,
- Bidang-bidang khusus perkhidmatan,
- Kebersihan, penampilan dan susunatur atau perhiasan entiti rawatan perubatan,
- Lekasi,
- Masa rawatan,
- Kos perkhidmatan.

Memandangkan kos penswastaan yang dibekalkan oleh kedua-dua klinik swasta lebih keberkesanan kos, penyelidik mencadangkan supaya UKP **patut** diswastakan dengan **mengambilkira** faktor-faktor faedah dan kos lain yang berkaitan dengan keberkesanan kos dan faktor-faktor yang mempengaruhi kehendak dan keperluan pelajar-pelajar UUM.

## 6.5 *PENUTUP*

Pengeluaran UKP adalah kurang keberkesanan kos kerana nisbah keberkesanan kos kurang dari 1. Sebaliknya kos pengeluaran penswastaan kedua-dua klinik swasta adalah lebih keberkesanan kos kerana nisbah keberkesanan kos adalah lebih dari 1. Jelaslah, penswastaan adalah **cara** yang lebih berkesan **bagi** membekalkan rawatan perubatan pesakit luar yang diberikan oleh UKP. Namun demikian, sekiranya polisi ini tidak boleh dilaksanakan dengan **cara** yang **memberi** kesan **positif** kepada semua pihak, langkah ini akan menjadi satu isu yang boleh dipertikaikan.

## *BAB TUJVH*

### **KESIMPULAN**

#### 7.1 *RINGKASAN KAJIAN*

Kajian ini mengandungi tujuh bab. **Bab Satu** mengemukakan pengenalan kajian ini yang membentang isu-isu seperti pemyataan masalah, konteks kajian, objektif kajian, istilah, **batasan** kajian dan kepentingan kajian.

**Bab Dua** membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan yang dibekalkan oleh UKP.

Di dalam **Bab Tiga** diutarakan konsep penswastaan. Bab ini menerangkan objektif, bentuk,kekangan, dan masa hadapan penswastaan. Bab Tiga kemudian membincangkan isu mengenai penswastaan perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Akhir sekali bab ini cuba mengutarkan polisi penswastaan di UUM.

Seterusnya **Bab Empat** mengutarkan ulasan karya mengenai keberkesanan kos dan persepsi pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan. Di akhir bab ini satu rangka teori kajian dibentangkan khusus untuk kajian ini.

*Bab Lima* membentangkan kaedah penyelidikan. Kaedah-kaedah yang digunakan ialah untuk mengumpul data untuk mengukur nisbah kos kepekaan **dan** persepsi pelajar UUM terhadap entiti rawatan perubatan.

Keputusan dan perbincangan kajian dikemukakan dalam *Bab Enam*. Nisbah keberkesanan kos **bagi** UKP adalah 0.64, iaitu dirumuskan bahawa pengeluaran awam perkhidmatan kesihatan UKP adalah kurang keberkesanan kos. Sementara nisbah keberkesanan kos untuk dua klinik swasta yang diperolehi dalam **analisis** kepekaan adalah *1.08* untuk ‘Pembekal Satu’ dan 1.19 untuk Klinik Won. Dari nisbah keberkesanan kos **ini** dapatlah **kita** merumuskan bahawa pengeluaran swasta adalah lebih kos efektif. Faktor yang paling mempengaruhi pemilihan untuk perkhidmatan kesihatan adalah kualiti dan reputasi entiti rawatan tersebut.

*Bab Tujuh* merumuskan kajian ini. Perkara yang dibentangkan adalah ringkasan, implikasi, cadangan-cadangan kajian dan syor penyelidikan masa hadapan.

## 7.2 ***IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN***

Penemuan kajian menunjukkan adalah perlu **bagi** pihak UUM memikirkan untuk menswastakan perkhidmatan kesihatan di UKP. Faedah-faedah yang pihak Universiti boleh perolehi **dengan** menswastakan UKP adalah seperti berikut:

- Pengurangan **beban** kewangan **dan pentadbiran** UUM,
- Peningkatan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan,
- Pengalaman **pelajar** yang boleh diperaktidkan di dalam bidang keusahawanan dan pengurusan.

### **7.2.1 Pengurangan Beban Kewangan Dan Pentadbiran UUM**

Sekiranya pelajar, kakitangan dan penduduk awam meningkat, ini bermakna UUM akan terus menanggung bebanan kewangan di dalam mensubsidi perkhidmatan kesihatan UKP.

Penswastaan UKP boleh meringankan UUM daripada menanggung **beban** kewangan. UUM juga dapat menggunakan sumber kewangan ini bagi pembangunan aktiviti-aktiviti pelajar yang lain. Penswastaan juga boleh meringankan pihak Universiti daripada **beban** pelaburan modal berterusan, penjagaan pembaikpulih, pentadbiran dan kos **operasi**.

Dengan penswastaan UKP, pihak UUM boleh menumpukan lebih tenaga di dalam hal perkembangan pelajar dan matlamat-matlamatnya.

### **7.2.2 Peningkatan Kecekapan Dan Keberkesanan Perkhidmatan**

Adalah diharapkan bahawa penswastaan UKP akan meningkatkan persaingan di **pasaran** dan dijangka akan meningkatkan tahap kecekapan dan **daya pengeluaran**. Seterusnya penswastaan akan

membuka peluang untuk memperbaiki pengeluaran dan kualiti perkhidmatan. Penswastaan UKP juga akan memberi peluang syarikat untuk meningkatkan gaya pengurusan. Syarikat swasta juga bebas dari pengawasan politik serta peraturan Kerajaan dan ini mencenderungkan syarikat swasta ke arah entiti perdagangan.

Nyata sekali, jika UKP diswastakan, pelajar akan menerima perkhidmatan kesihatan yang lebih licin dan berkesan di dalam perkhidmatan kesihatan yang dibekalkan oleh pihak swasta. Biasanya, perkhidmatan klinik swasta dibuka pada masa yang lebih panjang, beroperasi pada hujung minggu dan hari cuti umum.

### **7.2.3 Mempraktik Pengalaman Pelajar Di Dalam Bidang Keusahawanan Dan Pengurusan Perniagaan**

